

BAB 3

TEORI DAN KONSEP

3.1 PENGENALAN TEORI PROPAGANDA

3.1.1 DEFINISI PROPAGANDA

Menurut Severin dan Tankard dalam bukunya *Communication Theories* istilah propaganda datangnya daripada *Congregation de propaganda fide* atau *congregation of faith*, ditubuhkan oleh gereja Katolik pada tahun 1622. Ini adalah zaman Reformasi, dalam pelbagai kumpulan berpecah dari gereja Katolik, dan Congregation adalah sebahagian daripada Reformasi Kaunter Gereja (Severin dan Tankard, 1997 : 109).

Satu daripada isu terbesar pada zaman ini adalah persengketaan di antara sains dan agama sebagai sumber pengetahuan mengenai dunia. Salah seorang tokoh utama dalam persengketaan ini adalah Galileo, yang berasaskan penelitian-penelitian melalui teleskop, beliau mengatakan bumi ini mengelilingi matahari. Idea ini secara langsung berlawanan dengan pengajaran gereja Katolik dan juga satu daripada proposisi gereja yang dilarang (Severin dan Tankard, 1997 : 110).

Galileo diadili dan dihukum oleh satu badan penyiasatan dalam tahun 1633 dan dipaksa untuk menarik balik kenyataan bahawa bumi ini mengelilingi matahari. Gereja dibiarkan dalam kedudukan mempertahankan sesuatu idea yang tidak boleh dipertahankan. Kemungkinan istilah propaganda mengambil separuh daripada kaitan-kaitan negatifnya atau konotasinya mengenai yang tidak benar daripada insiden utama itu. Gereja ditinggalkan berhujah untuk kedudukan yang didemonstrasikan secara saintifik sebagai palsu (Severin dan Tankard, 1997 : 110).

Definisi paling awal kepada propaganda telah diberikan oleh Laswell dalam sebuah karya klasiknya yang bertajuk *Propaganda Technique In The World War*(1927). Beliau mentakrifkan bahawa propaganda hanya merujuk kepada pengawalan pendapat oleh simbol-simbol yang bererti, contohnya cerita khabar angin, laporan, gambar-gambar dan bentuk-bentuk komunikasi sosial yang lain (Laswell, 1927 : 9).

Pada tahun 1937 Laswell membuat sedikit perubahan kepada definisi yang diberikan sebelum ini. Beliau menyatakan bahawa propaganda dalam erti yang luas adalah suatu teknik yang mempengaruhi tindakan manusia melalui manipulasi kepada gambaran. Gambaran yang dimaksudkan ialah berbentuk pertuturan, penulisan atau muzikal (Laswell, 1937 : 521).

Kedua-dua definisi tersebut akan merangkumi sebahagian besar pengiklanan dan juga akan kelihatan sebagai pemujukan. Sebenarnya Lasswell menyatakan bahawa kedua-dua pengiklanan dan publisiti boleh dikategorikan di bawah propaganda (Lasswell, 1937 : 522).

Seorang ahli psikologi Roger Brown telah cuba membezakan di antara propaganda dan pemujukan. Beliau mentakrifkan pemujukan sebagai simbol manupulasi yang direkabentuk untuk yang lain (Brown, 1958 : 299). Beliau kemudiannya menunjukkan bahawa usaha pemujukan dilabelkan propaganda "apabila seseorang menilai tindakan sebagai matlamat kepada usaha pemujukan akan berfaedah kepada si pemujuk tetapi bukan kepada yang dipujuk" (Brown, 1958 : 300).

Dalam perkataan lain, tiada kriteria yang mutlak untuk menentukan sama ada suatu tingkah laku pemujukan itu adalah propaganda, ia adalah suatu keputusan yang dilakukan oleh seseorang. Dalam penggunaan teknik, pemujukan dan propaganda adalah sama. Hanya seseorang menganggap bahawa sumber adalah bermunafaat dan bukan penerima yang menuju kepada sesuatu yang dikenali sebagai propaganda.

Dalam buku Pengantar Komunikasi disebutkan bahawa propaganda berasal dari perkataan Latin *propagare* yang membawa maksud satu proses

penyebaran dan penyemarakkan idea dan ideologi (Mansor Ahmad Saman, 1986 : 83).

Menurut Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka perkataan propaganda ditakrifkan sebagai penerangan atau penyiaran (ideologi, fahaman, pendapat dan lain-lain), ideologi atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi orang ramai atau pun merupakan satu dakyah (Kamus Dewan, 1996 : 1058).

Menurut Laswell terdapat empat objektif utama apabila individu atau pun kumpulan menggunakan propaganda. Objektif-objektif itu ialah:-

1. Untuk menimbulkan rasa kebencian terhadap musuh
2. Untuk memelihara perhubungan persahabatan antara pakatan
3. Untuk memelihara persahabatan dan seterusnya untuk menghasilkan kerjasama antara yang berkecuali
4. Untuk melemahkan semangat musuh (Laswell, 1927 : 195)

Sebagai kesimpulan popaganda boleh ditakrif sebagai satu usaha secara sedar dalam penggunaan komunikasi oleh individu atau kumpulan untuk mempengaruhi, membentuk, mengawal atau mengubah sikap orang lain dengan tujuan mendapatkan keputusan, reaksi atau tindakan seperti

mana yang dirancang dan dingini oleh mereka yang menjalankan komunikasi itu.

Propaganda boleh digunakan dalam filem untuk mempengaruhi audiensi sasaran. Ia boleh digunakan oleh Kerajaan untuk menyampaikan mesej mengenai sesuatu kempen atau dasar yang dilaksanakan. Dengan gandingan mantap antara audio dan visual semestinya filem mampu mengubah minda masyarakat.

3.2 KONSEP

3.2.1 FILEM DOKUMENTARI

Filem berperanan sebagai alat yang mendokumentasikan budaya dan kehidupan masyarakat dan pengarkiran bahan bersejarah di samping sebagai alat untuk kajian. Sememangnya sudah disedari kepentingannya sejak filem mula dicipta pada tahun 1880an lagi (Naim Haji Ahmad, 1995 : 27).

Salah satu cabang penting dalam bidang perfileman ialah filem berbentuk dokumentari. Filem dokumentari telah digunakan oleh banyak kerajaan di dunia untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat dan menjalankan propaganda. Misalnya filem mengenai darurat secara tidak

langsung cuba mempengaruhi masyarakat betapa zalim dan kejamnya komunis dan seterusnya cuba mendapatkan sokongan daripada masyarakat (Naim Haji Ahmad, 1995 : 39). Contoh yang boleh diambil ialah filem **Dugaan Negara** yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia. Filem tersebut mengisahkan betapa zalimnya pengganas komunis semasa zaman darurat.

3.2.1.1 DEFINISI FILEM DOKUMENTARI

Kamus Dewan memberikan definisi **dokumentari** sebagai satu tayangan (filem, televisyen) atau acara radio yang memaparkan (menceritakan) maklumat (fakta) sebenar tentang sesuatu (perkara, subjek, dan lain-lain). (Kamus Dewan, 1996 : 312).

Grierson menyatakan bahawa perkataan dokumentari berasal dari perkataan Perancis **documentaire**. Perkataan itu digunakan oleh orang Perancis untuk menggambarkan mengenai filem pengembalaan (Grierson, 1946 : 11).

Grierson menggunakan perkataan dokumentari buat pertama kalinya menerusi tulisannya yang diterbitkan dalam *The New York Sun* keluaran bulan Februari 1926. Kemudiannya Grierson memberi pengertian bahawa filem dokumentari adalah sebagai filem yang cuba menginterpretasikan

secara kreatif satu-satu kebenaran dari segi suasana, tempat dan pelakon-pelakon yang terlibat.

Menurut Paul Rotta (1951), persidangan bersejarah di Brussels pada Jun 1947 telah menyediakan draf manifesto bagi Kesatuan Dokumentari Sedunia. Persidangannya buat kali pertama dan terakhir di Czechoslovakia, setahun selepas pertemuan di Brussels pada Jun 1947, telah mentakrifkan perkataan filem dokumentari sebagai segala bentuk rakaman seluloid yang dilakukan ke atas sesuatu realiti sama ada dilakukan melalui penggambaran sebenar atau pun pembikinan semula yang dilakukan secara jujur dan mempunyai justifikasi yang boleh diterima (Paul Rotta, 1951 : 30).

Antara tujuan filem dokumentari ialah untuk merangsang dan melebarkan kefahaman manusia mengenai ilmu pengetahuan dan mengemukakan masalah sebenar dan penyelesaiannya dalam hal-hal berkaitan dengan ekonomi, budaya dan perhubungan manusia.

David Bordwell dan Kristin Thompson dalam buku mereka *Film Art : An Introduction*, 1993 cuba membezakan filem dokumentari dan filem fiksyen. Kata mereka filem fiksyen adalah filem di mana *mise-en-scene*² dikawal

² David Bordwell dan Kristin Thompson, *Film Art : An Introduction*, (Wisconsin : McGraw Hill, 1993), hal. 145. *Mise-en-scene* berasal dari perkataan Perancis yang membawa pengertian *staging an action* (seni pengadegan)

sepenuhnya oleh pembuat filem manakala filem dokumentari bertujuan memaparkan peristiwa ataupun acara yang bukan dipentaskan (Bordwell & Thompson, 1993 : 180). Penulis-penulis buku ini mengambil contoh filem *A Hard Day's Night*. Dalam filem ini Richard Lester mementaskan sebuah konsert *Beatles* dan dengan itu kawalan terhadap set, lampu, kostum dan kelakuan para pelakon boleh dikawal. Berbeza pula dengan filem *Monterey Pop* dan *Woodstock*, pembuat filem ini tidak boleh mengawal acara tersebut. Mereka terpaksa memikirkan teknik lain pula iaitu seperti menggunakan teknik pergerakan kamera, suntingan dan bunyi untuk menerbitkan filem tersebut.

Definisi filem dokumentari juga dinyatakan oleh Jean Rouch (Naim Haji Ahmad, 1995:34). Jean Roach menyatakan bahawa filem dokumentari adalah sebagai filem yang memaparkan sejarah masa kini, mengenai bagaimana manusia menghadapi hidup, apa yang mereka perlukan dan bagaimana keperluan-keperluan itu dapat dicapai.

Naim juga memetik kata-kata Richard Barsam yang mengkategorikan semua jenis filem kepada dua kumpulan iaitu fiksyen dan bukan fiksyen. Filem-filem dokumentari, pengembaraan, fakta, pendidikan dan berita dikategorikan sebagai filem bukan fiksyen. Berdasarkan pembahagian ini Richard membuat kesimpulan bahawa semua filem dokumentari adalah filem bukan fiksyen tetapi tidak semua filem bukan fiksyen itu dokumentari.

Perkataan dokumentari pertama kali digunakan oleh orang Perancis yang membawa pengertian *travelogue*. Demikian Menurut Mike Wolverton dalam bukunya *How To Make Documentaries For Video / Radio / Film*.

Wolverton menyatakan bahawa filem pertama yang dihasilkan atas label dokumentari di Perancis ialah filem **Voyage au Congo** yang diarahkan oleh Marc Allegret. Filem itu telah dihasilkan pada tahun 1926. Filem itu dikatakan filem dokumentari kerana ia melakukan penggambaran pada peristiwa sebenar (Wolverton, 1983 : 18).

Mike Wolverton juga memetik pengertian dokumentari daripada sebuah kamus yang bertajuk *Webster's New Collegiate Dictionary* yang diterbitkan pada tahun 1949. Kamus itu menyatakan bahawa dokumentari adalah satu rakaman ataupun penggambaran dalam bentuk artistik perkara-perkara fakta terhadap fenomena peristiwa, sosial dan budaya (Mike Wolverton, 1983:19).

Dalam buku *Film And Its Techniques* oleh Raymond Spottiswoode menyatakan filem dokumentari boleh juga dikenali sebagai filem yang terkandung di dalamnya idea-idea yang dikemukakan. Ia tidak terikat dengan apa yang diamalkan di Hollywood malah ia bergerak dalam dunia yang lebih bebas dengan mencipta kerangka masa dan ruangnya yang tersendiri (Raymond Spottiswoode, 1970 : 14).

Spottiswoode juga menyatakan bahawa skrip untuk filem dokumentari yang bercorak fakta ini mestilah berdasarkan kepada penyelidikan yang mantap. Intipati bahan daripada sesebuah buku yang diselidiki itu berkemungkinan akan hanya menjadi sebaris sahaja latarkata ataupun dialog dalam sesebuah dokumentari. Fakta-fakta yang dikutip daripada siaran radio negara luar ataupun manuskrip daripada kurun ke-18 boleh menjadi sesuatu yang teramat penting dalam sesuatu babak yang dipersembahkan.

Ren Yuan (1998 : 231) dari Institut Penyiaran Beijing dalam artikel yang bertajuk "*A Comparative Study Of Eastern And Western Documentaries*" menyatakan terdapat beberapa perbezaan definisi filem dokumentari antara negara barat dan timur. Di negara barat khasnya di Britain dan Amerika Syarikat, dokumentari televisyen berkembang daripada filem dokumentari. Menurutnya lagi filem dokumentari sebenarnya bermula lebih seratus tahun yang lampau. Yuan menyatakan lagi bahawa sejarah pembikinan filem adalah bermula daripada sejarah pembikinan filem dokumentari.

Ontologi ataupun penciptaan imej dalam pembikinan filem memainkan peranan penting sebagai idea dan panduan kepada penghasilan dokumentari televisyen di negara barat. Penggiat-penggiat filem di British dan Amerika amat bagus dalam penciptaan imej dan pembangunan naratif yang mana ia

menjadi perkara yang paling pokok kepada penerbit-penerbit dokumentari televisyen (Ren Yuan, 1998 : 231).

Di Jepun dokumentari televisyen bermula daripada laporan khas berita radio. Tujuan utamanya ialah untuk menunjukkan gambaran sebenar negara Jepun. Dokumentari televisyen di Jepun dipercayai bukan berlegar di sekitar perkara-perkara artistik. Ini ialah kerana dokumentari dibuat dengan merakamkan gambar-gambar menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh orang-orang Jepun sendiri.

Ren Yuan menyimpulkan bahawa dokumentari di Jepun berbeza dengan dokumentari di Britain dan Amerika kerana di Jepun lebih 'mengutamakan fakta' manakala di Britain dan Amerika lebih diberi penekanan kepada 'kebijaksanaan semasa penggambaran dan semasa proses suntingan'.

Berbeza pula dengan dokumentari di negara China. Dokumentari televisyen berkembang daripada penggiat-penggiat filem tetapi ia banyak mengharungi kesusahan dan liku-liku. Pada satu ketika ia terpengaruh dengan ala Soviet Union iaitu lebih kepada hal-hal politik. Akibatnya dokumentari-dokumentari yang dihasilkan di China adalah dalam nada yang sama dan membosankan. Bahasa yang digunakan pun tidak bertenaga dan

begitu muram. Dokumentari yang dihasilkan adalah stereotaip iaitu menggambarkan soal-soal politik dan persoalan-persoalan umum mengenai moral (Ren Yuan, 1998 : 232).

Pada tahun 1993 Institut Penyelidikan Penyiaran NHK, Jepun telah menjalankan penyelidikan mengenai teori dan amalan filem dokumentari di tujuh buah negara barat. Borang soalselidik dihantar kepada pembuat filem dan video dokumentari, penyunting dan pengarah. Dua puluh tiga responden dari Amerika, Britain, Kanada, Jerman, Itali dan Australia telah memberi jawapan.

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa definisi untuk pembikinan dokumentari diberikan dalam bentuk yang berbeza-beza. Namun begitu definisi penting yang diberikan oleh tenaga penggerak utama iaitu pembikin dokumentari, penyunting dan pengarah boleh dibahagikan kepada dua perkara penting. Salah satu daripadanya ialah melakukan rakaman atau penggambaran dan yang satu lagi ialah melaporkan dalam bentuk berita.

Pada tahun 1994 sebuah buku yang bertajuk *Programs Definitions Of TV In China* diterbitkan. Ren Yuan memetik intipati daripada buku tersebut yang menyatakan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan dokumentari televisyen. Ia disebut sebagai satu laporan lengkap dan bersistematik

mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan politik, ekonomi, ketenteraan, kebudayaan dan peristiwa bersejarah melalui perakaman video ataupun filem. Hasil perakaman tersebut terkandung di dalamnya satu rupa bentuk rayuan, pujukan ataupun tarikan yang penuh dengan ciri-ciri estetik.

Menurut Ren Yuan lagi buku itu menyatakan bahawa dokumentari adalah satu rakaman peristiwa dan kehidupan manusia sebenar tanpa diadakan atau disusun semula mahupun dilakukan kembali. Rakaman dilaksanakan dengan melakukan temubual bersemuka sama ada untuk fakta umum ataupun fakta terperinci. Fakta dan pencarian fakta adalah perkara utama dalam dokumentari televisyen.

Definisi di atas akan menjadi lebih mantap apabila digandingkan dengan definisi yang diamalkan di barat. Definisi itu menyatakan bahawa pembikinan dokumentari merupakan satu seni kepada suatu penemuan baru, satu seni penemuramahan dan satu seni kepada penyuntingan (Michael Tobias, 1998 : 232).

Sebagai kesimpulannya Ren Yuan (1998) menyatakan sesebuah dokumentari mestilah berdasarkan kepada fakta, menekankan hal-hal yang berkaitan dengan maklumat dan perkara-perkara artistik. Pembikinan

dokumentari semestinya merupakan satu seni menyebarkan maklumat dan seni memujuk atau mempengaruhi orang lain dengan berkesan.

Sebagai rumusan kepada perbicaraan mengenai definisi filem dokumentari dapatlah disimpulkan bahawa filem dokumentari merupakan satu bentuk rakaman audio visual mengenai sesuatu subjek sama ada berdasarkan skrip yang telah tersedia atau pun berdasarkan realiti di lokasi. Perakaman itu boleh juga menggunakan pelakon jika difikirkan perlu yang boleh mencantikkan lagi dokumentari itu dan mampu menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Bahan-bahan yang dirakam itu diolah sedemikian rupa supaya menjadi sebuah dokumentari yang bermutu. Sebelum siapnya sesebuah dokumentari ia perlu melalui pelbagai proses antaranya ialah proses suntingan, merakam dan memasukkan latarkata, mengadunkan kesan bunyi dan memadankan muzik. Apabila semuanya selesai dilaksanakan maka lengkaplah sebuah dokumentari dan bolehlah ditayangkan.

3.2.1.2 BENTUK DAN GENRE FILEM DOKUMENTARI

3.2.1.2.1 BENTUK FILEM DOKUMENTARI

Bentuk boleh diertikan sebagai satu cara di mana isi dalam sesebuah filem itu dipersembahkan. Untuk membolehkan sesebuah filem itu dilihat provokatif, ceritanya mestilah ditunjukkan dengan cara tertentu dan penuh kesungguhan. Ini bermakna pembuat filem perlu mencari satu bentuk yang amat sesuai dan unik untuk mempersembahkan filemnya (Rabiger, 1989 : 284).

Dalam buku *How To Make Documentaries For Video / Radio / Film* Mike Wolverton menyorot kembali cadangan manifesto John Grierson mengenai dokumentari yang disebut sebagai *first principles*. Cadangan itu dimuatkan dalam *Cinema Quarterly*, edisi musim sejuk keluaran 1932. Ini boleh dikategorikan sebagai Taksonomi Grierson (1932) :-

1. Medium dokumentari seharusnya mempunyai kemampuan untuk memerhatikan masyarakat; untuk mendengar keluhan masyarakat dan melihat realiti gambaran sebenar masyarakat.
2. Dokumentari ialah satu himpunan persembahan selektif dan kreatif mengenai maklumat dan kehidupan masyarakat - satu bentuk seni yang boleh digunakan untuk mengekalkan kehidupan masyarakat.

3. Orang-orang dalam masyarakat (sebagai pemegang watak), orang-orang yang berpeleseran, premis-premis perniagaan dan hiburan (sebagai props dan hiasan latar) merupakan petunjuk kepada makna - tafsiran kepada dokumentari terhadap realiti masyarakat.
4. Dokumentari ialah kisah yang digarap daripada realiti masyarakat yang mana boleh mencerminkan isu-isu sosial dengan lebih berkesan berbanding dengan siri komedi, sandiwara atau lain-lain bentuk drama.
5. Medium dokumentari seharusnya digunakan oleh penyampai radio dan televisyen untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
6. Banyak perkara yang menakjubkan berlaku dalam dunia nyata jika dibandingkan dengan apa yang berlaku dalam dunia penghasilan drama. Dokumentari mempunyai daya tarikan dalaman secara tersendiri terhadap audiens, identifikasi dan juga impak emosi tersendiri.
7. Pengarah dan penerbit dokumentari menggunakan 'gambar yang kecil untuk menjelaskan sesuatu pengertian yang lebih besar'.

8. Penerbit dokumentari dikatakan telah melaksanakan tugasnya apabila beliau telah memperlihatkan realiti dan menggambarkan kepada penonton mengenai apa yang sepatutnya digambarkan.
9. Berbeza dengan penerbit berita yang membawa peristiwa yang sudah berlalu, penerbit dokumentari menjana berita akan datang untuk generasi baru yang akan mengambil peranan mereka dalam masyarakat.
10. Penerbit dokumentari percaya bahawa tugas-tugas kelompok masyarakat bebas ialah untuk mencipta realiti tersendiri hasil daripada bahan yang dipersembahkan dalam dokumentari tersebut.³

Demikianlah taksonomi Grierson yang dihasilkan dalam tahun 1932.

Beliau menjelaskan dari pelbagai sudut mengenai pengertian dokumentari. Beliau juga membuat perbandingan filem dokumentari dengan bidang-bidang lain seperti siri komedi, sandiwara, drama dan berita.

Memandangkan kajian ini memberi tumpuan kepada filem dokumentari terbitan Filem Negara Malaysia (FNM) maka penjelasan terperinci perlu diberikan mengenai bentuk-bentuk filem dokumentari yang diterbitkan. FNM

³ Mike Wolverton, *How To Make Documentaries For Video/Radio Film*, (Texas : Gulf Publishing Company, 1983), hal. 18.

membahagikan filem-filem dokumentari terbitannya kepada tiga bentuk yang berbeza. Pembahagian ini berdasarkan kepada berapa panjangnya dokumentari tersebut dan juga merujuk kepada isi kandungannya.

Tiga bentuk filem dokumentari yang dimaksudkan itu ialah **dokumentari ilmiah pendek**, **dokumentari ilmiah** dan **dokumentari peristiwa semasa**. **Dokumentari ilmiah pendek** ialah dokumentari yang panjang masa tayangannya tidak melebihi lima minit.

Dokumentari ilmiah pula ialah dokumentari yang panjang masa tayangannya melebihi lima minit dan boleh menjangkau hingga 20 ke 30 minit. Kedua-dua bentuk dokumentari ini iaitu dokumentari ilmiah pendek dan dokumentari ilmiah mempunyai ciri-ciri yang sama. Yang membezakan antara keduanya hanyalah perbezaan jangka masa tayangannya sahaja.

Pada kebiasaananya dokumentari ilmiah pendek dan dokumentari ilmiah ini dihasilkan dalam bentuk naratif iaitu penceritaan. Tegasnya dokumentari ini mengandungi visual mengenai subjek yang hendak diketengahkan dan juga latarkata yang akan memberi penerangan untuk menyokong dan memperjelaskan lagi subjek berkenaan.

Ada juga filem dokumentari yang dihasilkan dalam bentuk dokudrama. Ini bermakna sebahagian daripada dokumentari itu dibuat dalam bentuk naratif dan sebahagian lagi dibuat dalam bentuk drama. Dalam hal ini pelakon diperlukan untuk membawa watak-watak tertentu. Tujuan dibuat dokumentari dalam bentuk dokudrama ini ialah untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan di samping menarik minat penonton kerana ia berbentuk lakonan.

Bentuk filem dokumentari ketiga yang diterbitkan oleh FNM ialah filem **dokumentari peristiwa semasa**. Dokumentari ini diterbitkan hasil daripada perakaman peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah bagi negara. Rakaman dilaksanakan berdasarkan acara-acara yang telah disusun oleh pihak pengangur peristiwa berkenaan.

Dalam liputan sebegini lebih daripada satu kamera digunakan bergantung pada acara : mugkin tiga, empat, lima atau lebih kamera diperlukan. Tujuannya supaya penggambaran dapat dilakukan dari pelbagai sudut dan acara-acara penting dan mustahak tidak tertinggal atau terabai. Seterusnya semasa proses suntingan juga akan memudahkan tugas Penyunting filem berkenaan kerana terdapat banyak pilihan gambar dan dari pelbagai sudut pula.

Terdapat banyak sekali filem-filem bercorak sedemikian yang telah diterbitkan oleh FNM. Antara yang paling nostalgik dan amat bermakna sekali kepada rakyat Malaysia ialah peristiwa negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Peristiwa itu diabadikan dalam beberapa edisi filem yang bertajuk **Milestone To Merdeka, Merdeka For Malaya and Merdeka**.

3.2.1.2.2 GENRE FILEM DOKUMENTARI

Genre dalam pengertian yang mudah dapat dierangkan sebagai **jenis**. Dalam konteks kajian ini genre membawa pengertian jenis filem. Perkataan genre berasal dari bahasa Perancis yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan disebut *kind*. Genre ialah kategori untuk mengklasifikasikan filem-filem dalam bentuk, paten dan isi yang sama (Timothy Corrigan, 1994 : 82).

Fakta di atas disokong oleh Michael Rabiger dengan menambah bahawa perkataan *genre* adalah perkataan Perancis yang boleh dierangkan dalam bahasa Inggeris sebagai *kind*, *type* atau *sort*. Dalam tulisan James Monaco, *How to Read a Film* menyenaraikan jenis-jenis filem berikut sebagai *genre* iaitu filem berbentuk persahabatan, pemburuan, komedi, cerita-cerita detektif, gengster, seram, melodrama, musical, samurai, sains fiksyen, ngeri, ~~filem~~ peperangan dan filem mengenai belia. Dalam siri televisyen pula ~~disenaraikan~~ genre-genre berikut iaitu rancangan bercorak aksi, filem yang

kena mengena dengan polis, dokudrama, kekeluargaan, drama penglipur lara dan komedi sitkom (Michael Rabiger, 1989 : 261).

Ada pula pengertian berbeza yang diberikan oleh penulis lain. Genre diertikan sebagai makna asas kepada bagaimana cara kita berkomunikasi khasnya dalam menyampaikan cerita. Genre membawa kita kepada dunia sebenar yang diubahsuaikan kepada sesuatu yang boleh dikawal, sesuatu yang berhalangan di mana akan ada penyelesaiannya jika timbul masalah (Jill Nelmes, 1999 : 166).

Aksi dan pengembaraan (*action and adventure*) merupakan satu bentuk genre. Genre ini muncul sejak tahun 1920-an lagi. Hal-hal yang berkaitan dengan pengembaraan ini berlaku di banyak tempat iaitu sama ada di laut, di bawah air, di atas gunung, di padang pasir, di kutub utara dan selatan mahupun di hutan belantara. Contoh filem yang berlaku di hutan ialah **Tarzan of the Apes (1918)**.

Filem-filem dokumentari dan separa dokumentari lain yang mempunyai genre aksi dan pengembaraan ialah **Nanook of the North (1922)**, **Grass (1925)**, **Moana (1926)** dan **Chang (1927)**. Jenis yang berlainan sedikit tetapi mempunyai genre yang sama pada sekitar 1920-an dan 1930an ialah filem-filem yang berkaitan dengan binatang dan binatang sendiri

yang menjadi pemegang wataknya. Antara contoh pemegang-pemegang watak ialah Rin-Tin-Tin dan Rex dalam filem **King of the Wild Horses** (Ellis, 1979 : 155).

Filem **Nanook Of The North** arahan Robert Flaherty mengisahkan tentang kehidupan sebuah keluarga Eskimo yang hidup di kawasan Artic. Filem **Grass** yang diusahakan oleh Merian C. Cooper dan Ernest Schoedsack pula mendokumentasikan mengenai perjalanan jauh puak Bakhtiari dari setempat ke setempat dalam usaha mencari padang ragut untuk binatang peliharaan mereka. Filem kedua arahan mereka diberi tajuk **Chang**. Filem ini dihasilkan di hutan negara Siam yang mengisahkan mengenai kehidupan sekeluarga yang tinggal dalam hutan dan berdepan dengan binatang-binatang liar yang merbahaya.

Filem **Moana** yang merupakan filem kedua arahan Robert Flaherty mengisahkan mengenai keindahan pulau-pulau Polinesia dan juga cara kehidupan orang-orang Samoa yang penuh dengan sopan santun dan saling hormat menghormati antara satu lain (Lewis Jacobs, 1971 : 12).

Dalam meneruskan pembacaan pengkaji bertemu dengan satu pendapat oleh seorang penulis yang mengkategorikan satu lagi genre dokumentari iaitu genre **jurnalistik**. Dokumentari jurnalistik ialah

dokumentari yang terkandung di dalamnya informasi. Informasi tersebut semestinya berdasarkan kepada fakta. Ia bermula dengan perkara pokok yang akan dibincangkan dalam dokumentari itu ataupun disebut sebagai *lead* dan diteruskan dengan fakta-fakta lain dan disokong oleh data. Sedalam mana dokumentari itu mampu menerokai isi pokoknya bergantung kepada sebanyak mana masa yang diberikan untuk mempersesembahkan informasi tersebut (Wolverton, 1983 : 28).

Impak kepada penonton adalah bergantung kepada sejauh mana fakta yang digunakan dalam dokumentari jenis jurnalistik ini. Lebih banyak fakta digunakan bermakna akan lebihlah impaknya. Dokumentari sebegini lebih bercorak pendidikan kerana penonton berpeluang mempelajari dengan lebih mendalam mengenai perkara pokok yang diutarakan (Wolverton, 1983 : 28).

3.2.1.2.3 GENRE FILEM DOKUMENTARI TERBITAN MALAYAN FILM UNIT/FILEM NEGARA MALAYSIA

Sejak penubuhannya pada tahun 1946 *Malayan Film Unit/Filem Negara Malaysia* (*MFU/FNM*) telah menerbitkan lebih daripada 2400 buah filem dokumentari (*Katalog Filem-Filem Dokumentari Terbitan FNM*, 1999).

Penerbitan filem-filem tersebut sudah tentulah mempunyai maksud dan tujuan tertentu. Penerbitannya juga pastinya ada kaitan dengan

perkembangan zaman dan juga peristiwa-peristiwa penting yang berlaku semasa sesuatu filem itu diterbitkan.

Pada awal penubuhannya MFU/FNM dilihat banyak menerbitkan filem-filem dokumentari yang bercorak **jurnalistik/peristiwa/berita**. Pada sekitar tahun 1947 hingga 1954 terdapat tajuk-tajuk filem seperti berikut iaitu **Face Of Malaya, Malayan Gazette dan News Of Malaya**. Pada sekitar tahun 1967 dan 1968 pula diterbitkan filem bertajuk **Malaysia Seminggu**. Daripada tajuk-tajuknya dapatlah diinterpretasikan bahawa filem-filem itu bertujuan untuk mengumpulkan berita dan peristiwa yang berlaku di sekitar Malaya. Ia diterbitkan dalam bentuk bersiri (Katalog Filem-Filem Dokumentari Terbitan FNM, 1999).

Filem-filem bercorak **jurnalistik/peristiwa/berita** diteruskan penerbitannya hingga ke hari ini. Antara filem-filem yang boleh diletakan di bawah kategori ini ialah seperti sambutan **Hari Kebangsaan** pada setiap tahun, **Majlis Tilawah Al-Quran, Istiadat Pertabalan Seri Paduka Yang Dipertuan Agong, Majlis Pembukaan Persidangan Parlimen** dan lain-lain lagi.

MFU/FNM juga banyak menerbitkan filem-filem yang bercorak **persejarahan**. Filem-filem yang bercorak begini menyimpan sejarah penting

untuk tatapan generasi akan datang. Contoh terbaik filem bercorak persejarahan yang diterbitkan ialah mengenai peristiwa bersejarah yang dialami oleh negara iaitu Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Antara filem itu ialah **Milestone To Merdeka (1957)**, **Merdeka For Malaya (1957)** dan **The Emergence Of Malaysia (1964)**.

Filem yang bercorak **informasi** atau **maklumat** memang banyak sekali diterbitkan oleh MFU/FNM. Filem ini berfungsi memberi maklumat dan penerangan kepada rakyat keseluruhannya mengenai sesuatu tajuk atau perkara yang perlu diketahui. Antara contoh filem-filem bercorak sedemikian ialah **Dadah Merosakkan Jiwa (1976)**, **Perumahan Yang Lebih Sempurna (1978)**, **Tenaga Dari Perak (1979)**, **Dadah Itu Racun (1987)** dan banyak lagi.

Filem bercorak **pengembalaan** juga ada diterbitkan oleh MFU/FNM. Filem ini membawa penonton ke sesuatu tempat untuk menyaksikan keindahan dan suasana di tempat berkenaan. Antara filem-filem yang pernah diterbitkan ialah **Taman Negara (1984)**, **Land Of The Hornbills-The Journey (1988)**, **Pengalaman Batang Ai (1990)** dan **Ekspidisi Rejang (1993)**.

Filem yang menunjukkan kejayaan **pembangunan** negara memang banyak sekali diterbitkan oleh MFU/FNM. Agenda pembangunan menjadi perkara utama setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Filem-filem

mengenai kemajuan negeri-negeri di Malaysia direkodkan oleh MFU/FNM. Antara filem-filem tersebut ialah **Kelantan Darul Naim Terus Membangun** (1982), **Melaka Melangkah Maju** (1982), **Pulau Pinang Dalam Era Baru** (1986), **Bumi Bertuah Perak Darul Ridzuan** (1986), **Johor Pintu Selatan Negara** (1990), **Perlis Ke Arah Kecemerlangan** (1990) dan lain-lain lagi.

Filem-filem yang bercorak **komersial/ekonomi** juga diterbitkan oleh MFU/FNM. Antara tajuk-tajuk filem itu ialah seperti **Rubber From Malaya** (1954), **Tin From Malaya** (1957), **Bank Simpanan Nasional Untuk Masa Hadapan Anda** (1979), **Dasar Ekonomi Baru** (1982), **Panduan Melabur** (1983), **Hasil Dari Kolam** (1975), **Hasil Dari Rotan** (1988) dan lain-lain lagi.

Filem bercorak **kebudayaan** dan **kesenian** juga tidak diabaikan penerbitannya. Antara contoh filem-filem itu ialah **Wayang Kulit** (1956), **Tarian-Tarian Malaysia** (1968), **Tarian dan Nyanyian Kebangsaan** (1970), **Aneka Seni Asia Tenggara** (1970), **Senidra Mak Yong** (1972), **Kebudayaan Malaysia** (1972), **Pusaka Budaya** (1978), **Dikir Barat** (1984), **Tarian Tradisional dan Moden** (1986) dan **Seni dan Budaya** (1994). Filem-filem di atas menyimpan khazanah budaya negara yang begitu tinggi nilainya untuk tatapan generasi akan datang.

Filem-filem yang mengenangkan kepandaian hasil kerja tangan juga diberi perhatian. Antaranya ialah **Batek** (1968), **Gasing** (1975), **Anyaman Asli** (1992), **Pua Kumbu** (1993), **Sutera Sarawak** (1995) dan banyak lagi. Filem-filem ini memaparkan bagaimana kebijaksanaan manusia menggunakan akal fikiran, kemahiran dan kecekapan yang ada pada diri sendiri untuk manfaat masyarakat seluruhnya.

Filem-filem yang mengajak masyarakat ke arah **perpaduan** adalah salah satu agenda penting bagi MFU/FNM. Banyak filem-filem bertema demikian dihasilkan. Antara filem-filem itu ialah **United We Stand** (1959), **Perpaduan Kebangsaan** (1964 & 1965), **Bersatu Berjaya** (1965), **Suara Muhibbah** (1967), **Berpadu Mereka Maju** (1969), **Ke Arah Perpaduan** (1974), **Jalinan Sebuah Negara** (1995) dan lain-lain lagi.

Satu lagi bidang yang diberi tumpuan oleh MFU/FNM dalam menerbitkan filem-filemnya ialah bidang **kesihatan**. Kesihatan yang baik adalah amat perlu sekali kerana dengan kesihatan yang sempurna akan membolehkan rakyat menjalani kehidupan dengan lebih efisyen. Contoh-contoh filem yang mempunyai tema sedemikian ialah **Kesihatan Membawa Kejayaan** (1969), **Kesihatan Untuk Kemajuan** (1978), **Penyakit Demam Denggi** (1980), **Kesihatan Desa** (1981) dan **Dadah Itu Racun** (1987).

Filem mengenai keteraan tidak ketinggalan diberi perhatian oleh MFU/FNM. Filem-filem di bawah tema ini pastinya bertujuan memberi semangat kepada para pejuang dan pembela tanah air. Antara filem-filem yang ada dalam simpanan ialah **Soldier Craftsmen** (1948), **Askar Kita Di Sempadan** (1971), **Latihan Gonzales** (1981), **Rejemen Artileri** (1983), **Pasukan Simpanan Tentera Darat** (1984) dan lain-lain lagi.

Terdapat banyak sekali filem-filem yang boleh diletakan di bawah kategori umum yang dihasilkan oleh MFU/FNM. Filem-filem dalam kategori inilah yang paling banyak sekali dihasilkan. Antara contoh-contohnya ialah **Bakal Bandaraya-Kuala Lumpur** (1972), **Pohon Bertuah-Sago** (1974), **Universiti Teknologi Malaysia** (1980), **Ulam** (1991), **Arang Batu** (1994), **Bajau** (1995), **Kuda Kepang** (1998) dan banyak lagi filem-filem yang berada di bawah kategori tersebut.

Demikianlah sebahagian daripada filem-filem dokumentari yang dihasilkan oleh MFU/FNM. Dalam bab ini pengkaji hanya mengambil sedikit contoh sahaja daripada filem-filem yang dihasilkan. Dalam bab kelima pengkaji akan melakukan analisis ke atas filem-filem dokumentari yang dipilih.

3.3 PENGENALAN KEPADA NILAI NASIONAL

Malaysia sebuah negara sedang membangun. Kemajuan yang dimahukan bukan sahaja meliputi bidang ekonomi tetapi juga politik, sosial, budaya, psikologi dan kerohanian.

Dalam merangka dan melaksanakan program pembangunan yang terarah Malaysia bersandar kepada makanisme yang boleh menggerakkan segala sumber dan rakyatnya dengan berkesan. Dalam hubungan ini makanisme yang amat penting ialah pengukuhan aspek-aspek **nilai nasional** dalam segala agendanya.

Nilai-nilai ini ialah nilai yang mempunyai kaitan yang rapat dengan nilai-nilai yang bercorak kebangsaan seperti rasa cintakan negara, perpaduan kaum, pendidikan, kebudayaan dan konsep toleransi serta perkongsian yang saksama.

3.3.1 DEFINISI NASIONALISME

Menurut Kamus Dewan, edisi ketiga yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka makna nasionalisme terbahagi kepada dua seperti berikut :-

- i. Perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri secara mendalam.

ii. Pergerakan untuk mencapai kebebasan ekonomi dan politik daripada kuasa asing, semangat kebangsaan.⁴

Jelas menunjukan bahawa nasionalisme berkait rapat dengan perjuangan kebangsaan khasnya perjuangan untuk menuntut kemerdekaan dan keadilan adalah sesuatu yang dibangunkan di atas kepentingan sesuatu bangsa dan negara. Kesedaran ini timbul dari rasa kepunyaan di atas hak untuk memiliki dan membina kepentingan bangsa, budaya dan tamadun sesebuah masyarakat.

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu ucapannya di Majlis Perasmian Pameran "Malaysia Kesayanganku" di Muzium Negara pada 31 Mac 1982 menyatakan;

Kerana cintakan tanahair maka negara kita telah dapat dibebaskan. Ada yang berpendapat bahawa nasionalisme tidak penting, tetapi belum ada sebuah negara pun yang mencapai kemerdekaan tanpa nasionalisme. Memang ada orang yang bersimpati dari jauh tetapi minat mereka tidak termasuk usaha untuk membebaskan negara atau bangsa lain atau pun jika berminat, mereka tidak mampu. Akhirnya yang mesti menggadai nyawa dan harta

⁴ *Kamus Dewan, Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hal. 923

benda ialah penduduk negara yang berkenaan. Dan mereka cuma akan sanggup menghadapi cabaran jika mereka cintakan negara mereka.⁵

Dr. Mahathir Mohamad, 1992

Ungkapan Dr. Mahathir itu menunjukan bahawa nasionalisme adalah unsur yang sangat berkait rapat dengan semangat cintakan negara. Semangat yang membuka-buka itu menimbulkan rasa kasih yang teramat sangat kepada negara hingga sanggup berkorban apa sahaja untuk tanahair walaupun hingga ke titisan darah yang terakhir.

"Nasionalisme adalah dikatakan semacam rasa atau pemikiran yang mengarahkan kesetiaan kita kepada negara. Rasa inilah yang mencetuskan kata-kata seperti, ia tetap negaraku, sama ada ia bersalah atau tidak. Rasa taat setia yang kukuh kepada tanahair atau watan telah ada di negara ini tetapi fokusnya berbeza-beza."(Awang Had Salleh, 1983 : 1).

Seterusnya Awang Had menyatakan bahawa dalam bentuk yang awal di kalangan orang-orang Melayu taat setia itu ialah kepada Semenanjung Tanah Melayu tetapi kelompok manusia yang didefinisikan sebagai kelompok manusia Tanah Melayu itu ialah orang-orang Melayu dengan kesultanan

⁵ *Koleksi Ucapan Mahathir (Sosial)*, (Kuala Lumpur : Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, 1992), hal. 85

sebagai tonggak kuasa dengan Agama Islam, Bahasa Melayu dan adat resam Melayu sebagai sempadan identiti.

Nasionalisme ialah kesedaran individu atau kumpulan akan keahliannya di dalam sesuatu negara, serta keinginan untuk memperkuuhkan negaranya, mempertahankan kebebasan dan mempertingkatkan kemakmuran. Individu-individu atau kumpulan-kumpulan ini merasa yang mereka mempunyai taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap negara tersebut. (Dr. Ibrahim Saad, 1983 :1-2).

Dr. Ibrahim Saad menyatakan lagi bahawa semangat nasionalisme ini telah dimanifestasi dengan berbagai-bagai cara. Negara-negara Eropah mula menganggap yang sifat-sifat ini akan didapati dengan menyatupadukan rakyat yang bertutur dalam satu bahasa dan berkongsi ciri-ciri budaya yang sama. Orang-orang yang mempunyai satu bahasa mempunyai taat setia yang unggul kepada negara.

Bagi negara-negara yang sedang membangun atau negara-negara dunia ketiga, semangat nasionalisme timbul oleh kerana menentang kuasa luar iaitu kuasa penjajah yang menakluki negara mereka. Gerakan nasionalisme digembelingkan tanpa mengambil perkiraan perbezaan yang sedia ada seperti bahasa, agama, budaya dan lain-lain. Nasionalisme bagi

negara-negara sedang membangun seperti Malaysia timbul pada mulanya oleh penentangan terhadap kuasa asing dan imigran yang semakin ramai.

R. Suntharalingam dari Universiti Sains Malaysia dalam bukunya yang berjudul *Nasionalisme : Satu Tinjauan Sejarah* menyatakan bahawa nasionalisme merupakan satu fenomena sejagat, yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya yang tersendiri, memindahkan kedaulatan kepada rakyat, serta menuntut kesetiaan ulung individu disalurkan kepada negara-bangsa itu (R.Suntharalingam, 1985 : 15).

Rustam A. Sani (1992) pula menyatakan bahawa nasionalisme Melayu ialah kegiatan atau gerakan politik yang bertujuan untuk melahirkan sebuah negara bangsa Melayu. Suatu ciri menarik dalam sejarah nasionalisme Melayu moden di negara ini yang dapat diusut asal usulnya kepada keadaan sosial pada tahun 1930an ialah betapa pentingnya peranan "rasa terancam" orang Melayu dalam menggerakkan fahaman ini.

Kegiatan politik awal orang Melayu pada tahun 1930an pada asasnya digerakkan oleh hasil benci yang untuk pertama kalinya menunjukan bahawa bangsa Melayu tidak lagi merupakan golongan majoriti di negara ini. Bilangannya telah diatasi oleh kelompok pendatang yang telah mula menjadi

bahagian tetap dalam masyarakat majmuk yang dihasilkan oleh sejarah kolonial (Rustum A. Sani, 1992 : 23).

Mentaliti rasa terancam inilah juga telah mencirikan percaturan politik orang Melayu dalam pelbagai peringkat perkembangan sejarah politik di negara ini kemudiannya seperti penentangan terhadap gagasan Malayan Union, penggubalan perlombagaan negara selepas merdeka, keterlibatan dalam parti perikatan serta penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Ramai juga penulis barat yang memberi makna dan definisi kepada perkataan nasionalisme. Antaranya ialah Hans Kohn seorang Profesor Emeritus Sejarah di City College, New York.

Nationalism is a state of mind, in which the supreme loyalty of the individual is felt to be due the nation state. A deep attachment to one's native soil, to local traditions and to established territorial authority has existed in varying strength throughout history.⁶

Hans Kohn

Demikianlah nasionalisme menurut Hans Kohn. Ia dapat diertikan sebagai satu perasaan dalam pemikiran seseorang individu yang memiliki kesetian yang amat tinggi darjatnya kepada negara. Ditambah pula dengan

⁶ Hans Kohn, *Nationalism : Its Meaning And History*, (New York : D. Van Nostrand Company, 1965), hal. 9

rasa sayang kepada tanah tumpah darahnya, kepada adat-adat tradisinya dan kepada pihak berkuasa yang wujud hasil dari sejarah sebelumnya. Dalam sebuah buku lain yang bertjudul *The Idea Of Nationalism*, Hans Kohn memberikan takrifannya yang lebih lengkap dan halus.

*Nationalism is a state of mind, permeating the large majority of people and claiming to permeate all its members; it recognizes the nation-state as the ideal form of political organization and nationality as the source of all creative cultural energy and of economic well-being. The supreme loyalty of man is therefore due to his nationality, as his own life is supposedly rooted in and made possible by its welfare.*⁷

Hans Kohn

Hans Kohn mentakrifkan bahawa nasionalisme merupakan satu keadaan fikiran yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk kepada kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara-bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kepada kesejahteraan ekonomi. Oleh itu kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada dan dimungkinkan oleh kebijakan bangsanya.

⁷ Hans Kohn, *The Idea Of Nationalism : A study In Its Origins And Background*, (New York : The Macmillan Company, 1944), hal. 16

Seorang lagi penulis yang memberi erti kepada nasionalisme ialah K.R. Minogue. Beliau ialah seorang Pensyarah Kanan dalam bidang Sains Politik di *London School of Economics*. Minogue menyatakan bahawa :-

*Nationalism is a political movement which seeks to attain and defend an objective we may call national integrity. It seeks freedom but freedom can mean many things. The demand for freedom already carries with it the suggestion that nationalists feel themselves oppressed. A general description of nationalism : it is a political movement depending on a feeling of collective grievance against foreigners.*⁸

K. R. Minogue

Minogue berpendapat bahawa nasionalisme adalah corak pergerakan politik yang mempunyai objektif ke arah keutuhan nasional. Ia juga merupakan satu perjuangan menuntut kebebasan daripada segolongan penduduk yang merasakan diri mereka tertindas. Secara umumnya Minogue mentakrifkan nasionalisme sebagai satu gerakan politik oleh sekumpulan golongan yang berasa tidak puas hati terhadap orang luar atau penjajah.

Apa yang dapat dikutip intipati daripada pandangan Minogue ialah manusia memerlukan kebebasan sama ada kepada dirinya sendiri maupun bangsanya. Tidak ada manusia yang rela ditindas dan mereka juga tidak mahu dijajah. Kemerdekaan yang hakiki adalah impian setiap bangsa di

⁸ K. R. Minogue, *Nationalism*, (London : B. T. Batsford Ltd., 1967), hal. 25

mana mereka dapat merancang, mencorak dan menentukan masa hadapan negara mereka.

Seorang lagi Profesor dalam bidang politik di Universiti London, Elie Kedourie (1971) memberikan pendapatnya mengenai nasionalisme.

Nationalism is a doctrine invented in Europe at the beginning of the nineteenth century. It pretends to supply a criterion for the determination of the unit of population proper to enjoy a government exclusively its own, for the legitimate exercise of power in the state, and for the right organisation of a society of states. Briefly, the doctrine holds that humanity is naturally divided into nations, that nations are known by certain characteristics which can be ascertained, and that the only legitimate type of government is national self-government.⁹

Elie Kedourie

Menurut Kedourie nasionalisme merupakan satu doktrin yang wujud di Eropah. Doktrin ini melengkapkan dan juga satu penentuan kepada golongan penduduk-penduduk tertentu untuk mewujudkan kerajaan sendiri dan memiliki satu kuasa yang sah.

Seorang lagi sarjana yang memberikan takrif nasionalisme ialah A.D. Smith. Beliau mentakrifkan nasionalisme sebagai satu pergerakan ideologikal

⁹ Elie Kedourie, Nationalism, (London : Hutchinson & Co. Publishers Ltd., 1971), hal. 9

untuk pencapaian dan pemeliharaan pemerintahan sendiri dan kemerdekaan bagi suatu golongan, yang sebahagian daripada anggota-anggotanya memandangnya sebagai satu bangsa yang sebenar atau bakal satu bangsa seperti bangsa-bangsa lain juga.

Selanjutnya Smith dalam bukunya *Theories of Nationalism* menyatakan bahawa nasionalisme pada dasarnya mencantumkan tiga hal yang dianggap unggul, iaitu penentuan nasib sendiri secara berkumpulan bagi rakyat, penegasan keperibadian dan sifat tersendiri bangsa dan akhir sekali pembahagian dunia mengikut garisan tegak kepada negara-negara tersendiri (A.D. Smith, 1971 : 23 & 171)

Satu lagi definisi yang dapat digarap ialah takrifan yang diberikan oleh Leonard W. Doob dalam bukunya *Patriotism and Nationalism*. Beliau berpendapat nasionalisme mempunyai beberapa elemen yang terangkum di dalamnya.

Nationalism : the set of more or less uniform demands:-

- iii. which people in a society share*
- iv. which arise from their patriotism*
- v. for which justifications exist and can be readily expressed*
- vi. which incline them to make personal sacrifices in behalf of their government's aims, and*
- vii. which may or may not lead to appropriate action.*¹⁰

Leonard W. Doob

¹⁰ Leonard W. Doob, *Patriotism and Nationalism*, (Yale University Press, 1965), hal. 6

Daripada pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa nasionalisme adalah sesuatu yang ada kaitan dengan perkongsian dalam kehidupan bermasyarakat, yang lahir daripada rasa cinta pada negara dan juga kewujudan keadilan yang boleh dijelaskan. Nasionalisme juga akan menimbulkan rasa ingin berkorban untuk mencapai matlamat yang ditentukan oleh pemerintah dan hasilnya berkemungkinan akan atau pun tidak akan wujud tindakan-tindakan tertentu.

3.4 DEFINISI NILAI NASIONAL

Bagi perkataan **nilai**, Kamus Dewan (1996) memberikan enam pengertian yang berbeza mengikut konteks ayat yang digunakan seperti berikut :-

- i. Taksiran harga
- ii. Harga sesuatu dibandingkan dengan sesuatu yang lain
- iii. Kadar nisbah
- iv. Darjat, kualiti, mutu dan taraf
- v. Sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain)
- vi. Markah (merujuk kepada kegunaan di Indonesia) ¹¹

Dalam konteks tajuk dan kajian ini makna yang paling tepat dan sesuai ialah makna (iv) dan (v) iaitu darjat, kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian

¹¹ Op.Cit., Kamus Dewan, Edisi Ketiga, hal. 930

yang merujuk kepada kemasyarakatan. Makna-makna lain yang tersenarai difikirkan tidak sesuai dan tidak menepati konteks tajuk kajian ini.

Perkataan **nasional** yang ditakrifkan oleh Kamus Dewan membawa maksud sesuatu yang berkenaan bangsa atau pun lebih jelas lagi ialah kebangsaan. Jika digabungkan kedua-dua perkataan itu dapatlah dertiakan bahawa **nilai nasional** ialah darjat, kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian dalam masyarakat yang terangkum di dalamnya ciri-ciri kebangsaan.

Dr. Zainal Kling (1978) berpendapat **nilai** pada asasnya merupakan tanggapan '*worthwhileness*' (sesuatu yang berfaedah) yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk, alat dan matlamat tindakan-tindakan. Nilai dapat dianggap sebagai prinsip asasi dan pusat dari segala kegiatan budaya sehingga ia mencapai tingkat mulia dan berkuasa dalam masyarakat (Dr. Zainal Kling, 1978 : 1-2).

Dr. Ting Chew Peh pula mendefinisikan nilai sebagai satu prinsip tingkahlaku umum yang dipegang kuat oleh anggota-anggota sesuatu kumpulan atau masyarakat dan prinsip tingkahlaku ini menjadi satu ukuran atau piawai (standard) untuk menilai tindakan-tindakan dan matlamat-matlamat tertentu. Nilai bukannya satu benda. Oleh yang demikian ia tidak mempunyai sifat-sifat objektif seperti yang dimiliki oleh benda contohnya

bentuk dan warna. Nilai adalah satu konsepsi, satu konstruk mental yang dirumuskan dari tingkahlaku manusia (Dr. Ting Chew Peh, 1978 : 22).

Dr. Cheu Hock Tong dalam satu kertas kerjanya mentakrifkan nilai merupakan satu ketetapan sosial yang digunakan sebagai ukuran yang unggul untuk menentukan mana yang baik dari mana yang tidak baik, mana yang betul dari mana yang tidak betul, mana yang arif dari mana yang tidak arif dan mana yang bermanfaat dari mana yang tidak bermanfaat (Dr. Chue Hock Tong, 1984 : 2).

Dr. Cheu seterusnya menyatakan bahawa berdasarkan ketetapan seperti itu, manusia menjalankan kegiatan mereka sehari-hari. Individu yang menjalankan kegiatan yang dihargai akan dipuji dan disanjung tinggi. Individu yang menjalankan kegiatan yang keji dan tidak dingini akan dikenakan tekanan, dimarahi, didenda, dihukum atau dipenjarakan.

Setiap nilai mempunyai tekanan emosi atau sentimen yang mendalam. Setiap nilai juga bersifat abstrak. Ia hanya dapat dinyatakan menerusi tindakan. Jadi, nilai tidak hanya digunakan untuk menyatakan emosi dan perasaan. Ia juga digunakan untuk memberi panduan kepada tingkahlaku manusia dan susunan masyarakat.

Jelaslah bahawa nilai adalah amalan sesebuah masyarakat mengenai sesuatu perkara berdasarkan kepada prinsip-prinsip tertentu. Jika ia merupakan amalan sejagat dalam sesebuah negara maka ia bolehlah dinyatakan sebagai **nilai nasional**.

Ada pula tokoh yang memberikan pengertian mengenai disiplin nasional. Syed Hussein Al-atas menyatakan bahawa disiplin nasional ialah segala sifat-sifat usaha yang membangun dan ditujukan pada objektif-objektif tertentu yang dianggap baik dan perlu oleh masyarakat berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan serta dilakukan secara kolektif mengikut peraturan-peraturan tertentu.

Disiplin nasional adalah disiplin positif yang tujuannya mencapai kesejahteraan masyarakat; keadilan dan keamanan di antara manusia; kecukupan hidup; pembentukan peribadi yang bermutu tinggi dalam bidang ilmu dan akhlak; serta segala sesuatu yang membawa kebaikan insan (Syed Hussein Al-atas, 1982 : 2).

Seorang sarjana H. M. Johnson dalam buku tulisannya memberikan pengertiannya kepada makna perkataan nilai.

A conception or standard cultural or merely personal by which things are compared and approved or disapprove to one another -

*held to relatively desireable or undesireable,
more meritorious or less correct.*¹²

Dari pengertian yang diberi oleh Johnson di atas dapatlah dikatakan bahawa nilai adalah sesuatu ukuran terhadap pola-pola perlakuan dan sikap setiap individu. Hal ini didasarkan kepada sesuatu perkara yang dianggap baik, benar dan disanjung tinggi menurut persepektif sesuatu budaya itu.)

Apabila nilai itu dihubungkan dengan masyarakat ianya merupakan sesuatu konsepsi yang wujud dirumuskan dalam pemikiran sebahagian besar pendokongnya. Setiap perlakuan anggota masyarakat itu sama ada secara sedar atau tidak akan dirujuk kepada norma dan nilai yang dilandaskan oleh masyarakat itu (Jenar bin Lamdah, 1978).

Nilai nasional inilah yang pastinya menjadi teras, garis panduan dan juga landasan kepada pembentukan sebuah negara sepertimana diacuankan. **Nilai nasional** terbentuk atau pun dibentuk berdasarkan latarbelakang dan keperluan sesebuah negara. Di Malaysia umpamanya yang merangkumi penduduk berbilang kaum sudah tentunya mempunyai latarbelakang budaya dan cara hidup yang berbagai-bagai dan sudah pasti mempengaruhi **nilai nasional** yang terbentuk.

¹² H. M. Johnson, *Sociology : A systematic Introduction*, (London : 1961), hal. 49

3.4.1 JENIS-JENIS NILAI NASIONAL MALAYSIA

Nilai nasional adalah satu nilai kebangsaan yang perlu diamalkan bukan sahaja oleh pihak pemerintah malah seluruh rakyat sesebuah negara. **Nilai nasional** merupakan satu lambang yang menunjukkan arah tuju dan haluan sesebuah bangsa dan negara. Jika **nilai nasional** dijadikan satu agenda penting pastinya negara berkenaan akan dapat bergerak di atas landasan yang telah ditentukan.

Nilai nasional adalah sesuatu yang subjektif. Ini membawa maksud bahawa **nilai nasional** bukanlah sesuatu yang *rigid*, kekal dan tidak boleh diubah tetapi bergantung kepada dasar dan perancangan kerajaan untuk mencorakkan hala tuju sesebuah negara. Ianya sesuatu yang fleksibel.

Terdapat banyak **nilai nasional** yang boleh ditentukan atau pun diguna pakai untuk sesebuah negara. Namun untuk tujuan kajian ini pengkaji hanya memilih enam sahaja **nilai nasional** yang difikirkan amat penting dan relevan dengan keadaan sosio-ekonomi negara Malaysia. Keenam-enam **nilai nasional** yang dimaksudkan itu ialah **perpaduan nasional, patriotisme, pembangunan negara, kebudayaan kebangsaan, amalan kebersihan dan Wawasan 2020**.

3.4.1.1 NILAI NASIONAL PERTAMA - PERPADUAN NASIONAL

Perpaduan boleh diertikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanahair (Ranjit Singh Malhi, 1988 : 199).

Perpaduan yang ingin dipupuk di negara ini ialah satu keadaan di mana rakyat berbilang keturunan dan agama mempunyai perasaan kekitaan dan beridentiti sebagai warganegara dan bangsa Malaysia yang mampu melampaui batasan identiti kaum atau negeri mereka (Mahathir Mohamad , 1991).

Menurut Mahathir lagi **perpaduan** yang telah dan sedang diusahakan juga bertujuan mewujudkan satu masyarakat di mana rakyat berbilang keturunan, kebudayaan dan kepercayaan, hidup makmur dalam suasana yang aman sejahtera yang lahir daripada semangat persefahaman yang kukuh, sikap toleransi dan saling hormat menghormati, kesediaan untuk bertolak ansur dan bermuafakat demi kepentingan semua. Bangsa bersatu padu yang ingin dibentuk haruslah berlandaskan kepada semangat kesetiaan,

ketaatan dan patriotisme yang tinggi dan tidak berbelah bahagi kepada negara.

Pembangunan sesebuah negara tidak akan berjalan licin tanpa **perpaduan**. Tanpa **perpaduan** juga sesebuah negara akan mudah terdedah kepada berbagai-bagai ancaman dari dalam dan luar negara yang mungkin sukar untuk diatasi. Pencerobohan dari luar atau rusuhan-rusuhan dalam negara sendiri menjadi sukar untuk ditangani jika tidak wujud **perpaduan** yang kukuh (Zahid Embry, 1988).

Zahid Embry (1988) juga berpandangan bahawa sebagai sebuah negara berbilang kaum, Malaysia sering terdedah kepada ancaman perbalahan antara kaum. Melalui **perpaduan** sahaja sesebuah negara itu dapat mencapai pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. **Perpaduan** juga akan menjamin kejayaan ekonomi itu dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa-masa akan datang. Ini akan meninggikan lagi taraf hidup rakyat sambil mengekalkan kestabilan politik dan keamanan negara (Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan, 1997 : 201).

Isu **perpaduan** merupakan satu isu terpenting kepada negara Malaysia. Tunku Abdul Rahman Putra telah menekankan aspek ini dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia yang pertama itu pada 16 Februari 1957;

Pada malam ini saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana telah mengadakan jamuan dan telah menjemput orang-orang daripada **bangsa Cina, Melayu, India** dan lain-lain. Maka inilah yang dikehendaki perhubungan rapat antara bangsa-bangsa kerana tidak berapa lama lagi kita akan merdeka, apa kira pun kita kena duduk antara satu sama lain. Di dalam negeri macam negeri kita ini bukan satu bangsa sahaja boleh duduk dalam negeri ini dengan tidak ada dengan bangsa lain. Negeri telah diduduki oleh berbagai bangsa sejak beberapa zaman dahulu, iaitu sejak daripada pihak British datang ke sini, kita sekalian telah duduk dengan baik.¹³

YTM Tunku Abdul Rahman Putra

Penekanan tentang pentingnya isu ini telah juga disuarakan berkali-kali oleh Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau pernah menekankan;

Masalah **perpaduan** di negara kita sesungguhnya merupakan masalah yang rumit yang barangkali tiada bandingan dengan negara-negara lain. Masalah ini timbul oleh kerana masyarakat kita terdiri daripada berbilang kaum yang bukan sahaja berlainan budaya dan cara hidupnya bahkan juga berbeza-beza dari segi taraf ekonomi dan keadaan tempat tinggal mereka. Dalam konteks negara kita Malaysia, matlamat pembangunan ekonomi dan matlamat **perpaduan** negara adalah dua matlamat yang tidak dapat dipisahkan kerana kejayaan kita mencapai matlamat pembangunan ekonomi adalah bergantung kepada kejayaan kita dalam usaha-usaha

¹³ Ucapan-Ucapan Tunku Abdul Rahman Putra, (Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia, 1957), hal. 7 (Tajuk : Ucapan Ketua Menteri Mengenai Keharmonian Antara Kaum Di Melaka pada 16. 2. 1957)

mencapai matlamat **perpaduan**. Begitu juga keadaannya dengan usaha-usaha mencapai matlamat **perpaduan** negara kerana ini tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak ada pembangunan ekonomi yang pesat dan menyuluruh di semua peringkat dan lapisan masyarakat.¹⁴

Tun Haji Abdul Razak Dato' Hussein

Pemupukan **perpaduan** adalah proses berterusan. Ia menjadi satu agenda negara sehingga Perdana Menteri Malaysia keempat Dr. Mahathir Mohamad juga selalu menyentuh perkara tersebut di dalam ucapan-ucapannya. Antaranya beliau pernah berkata;

Perpaduan antara kaum yang menjadi warganegara negara ini amatlah penting kerana kita tidak boleh mengelak daripada realiti kehidupan kita di negara kita Malaysia yang kita cintai ini. Realiti yang dimaksudkan ialah penduduk dan rakyat negara ini terdiri daripada berbagai kaum. Jika kaum-kaum di negara ini tidak bersefahaman dan berhubung rapat, maka masa kita akan dihabiskan dengan bersengketa sesama sendiri, semasa dunia luar berkembang maju dan mara jauh ke hadapan kita. Sebaliknya jika kita menerima hakikat bahawa penduduk di negara ini terdiri daripada berbagai kaum dan kita menyusun langkah untuk menyatukan segala kekuatan yang terdapat pada setiap kaum, dan kita gabungkan kekuatan ini, tidak dapat tidak kejayaan kita boleh meningkat dengan begitu pesat.¹⁵

¹⁴ Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, (Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia, 1957), hal. 237

¹⁵ Ibid, Koleksi Ucapan Mahathir (Sosial), hal. 655

Perdana Menteri dalam satu ucapan lain menyeru supaya semua rakyat Malaysia bersatu padu sama ada orang Melayu atau pun kaum-kaum lain kerana **perpaduan** merupakan asas kepada kestabilan dan kekuatan negara. Pada hakikatnya setiap kaum masih belum boleh melupakan kaum asal masing-masing namun itu bukanlah penghalang kepada **perpaduan** nasional.¹⁶

Walaupun kerajaan Malaysia berusaha melalui perpaduan untuk menjamin keamanan Malaysia namun satu pengalaman pahit telah dialami. Peristiwa 13 Mei 1969 telah mencatat sejarah hitam dalam dairi negara ini. Pergaduhan antara kaum tercetus dan mengakibatkan huru-hara. Keamanan telah tergugat.

Peristiwa 13 Mei 1969 telah banyak memberi pengajaran. Antaranya ialah telah timbul kesedaran di kalangan pemimpin negara bahawa Malaysia memerlukan satu bentuk ideologi yang tersendiri bagi menangani masalah utama yang ditinggalkan oleh penjajah. Ideologi yang dimaksudkan di sini tercakup dalam Rukunegara sebagai ' tiang seri ' dalam pembinaan satu rupa bangsa ala Malaysia.

¹⁶ Ibid, *Koleksi Ucapan Mahathir (Sosial)*, hal. 390

Idea mencipta lima prinsip yang digariskan dalam Rukunegara oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) itu merupakan satu proses indoctrinasi dalam mewujudkan **perpaduan** dan integrasi dalam masyarakat berbilang etnik (Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan, 1997 : 11).

Tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 mengejutkan rakyat dan negara. **Perpaduan** yang disangkakan kukuh hasil muafakat (*social contract*) antara tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India semasa menggubal perlembagaan negara jelas bersifat sementara dan superfisial. Akibat peristiwa malang itu Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri ketika itu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisyiharkan darurat diwartakan di bawah Ordinan No. 2 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 - P.U.(A) dan berkuatkuasa mulai 16 Mei 1969.

Dengan pengisytiharan itu sistem kerajaan berparlimen digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan. Atas cadangan dan perakuan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri ketika itu Tun Abdul Razak telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Pengarah Majlis tersebut. Tugas-tugas MAGERAN ialah untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula kepatuhan kepada undang-undang negara dan memupuk suasana harmoni dan percaya mempercayai di kalangan kaum supaya pentadbiran negara berjalan licin dan sempurna.

Dalam melaksanakan tugasnya MAGERAN telah menubuhkan satu organisasi penting di bawah Undang-Undang Darurat. Agensi yang dimaksudkan ialah Majlis Perundingan Negara (MPN) yang diwartakan pada 29 Januari 1970. Majlis ini berfungsi sebagai penasihat kepada MAGERAN mengenai perkara-perkara dan isu-isu yang menyentuh kaum. Tugas serta tanggungjawabnya ialah untuk membincang dan meneliti isu-isu **perpaduan** negara serta mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam masyarakat berbilang kaum.

MPN telah bermesyuarat dan berbincang beberapa kali dan hasil perbincangan itu mendapati bahawa masyarakat Malaysia masih terpisah kerana faktor keturunan, agama dan pekerjaan. MPN juga berpendapat bahawa jika matlamat negara ialah untuk membangunkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, adil, liberal dan progresif, maka usaha-usaha ke arah itu perlu berpandukan kepada prinsip-prinsip asas tertentu seperti kesetiaan kepada Raja dan negara, menghormati serta mempertahankan Perlembagaan dan patuh kepada undang - undang negara.

Bertitik-tolak dari idea-idea inilah timbul kesedaran bahawa Malaysia memerlukan pembentukan satu ideologi negara yang mampu mengatasi pemisahan antara kaum dan yang boleh diamalkan oleh semua rakyat negara ini. Berasaskan kesedaran ini dan idea-idea yang dibincangkan dalam MPN,

Rukunegara dicipta dan ia diisyiharkan sebagai Rukunegara oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 iaitu sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan Malaysia.

Rukunegara bercita-cita melahirkan masyarakat Malaysia yang demokratik, saintifik dan progresif serta bersatu padu dan bersikap terbuka terhadap pelbagai cara hidup rakyat pelbagai keturunan. Cita-cita ini dipercayai akan tercapai apabila kelima-lima objektif Rukunegara diamalkan. Objektif-objektifnya adalah :-

1. Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat;
2. Memelihara cara hidup demokratik;
3. Mencipta satu masyarakat yang adil supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
4. Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan
5. Membina sebuah masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden.

Rukunegara mempunyai lima prinsip yang telah dikenal pasti. Lima prinsip itu adalah seperti berikut :-

1. Kepercayaan kepada tuhan.
2. Kesetiaan kepada Raja dan negara.

3. Keluhuran Perlembagaan.
4. Kedaulatan Undang-Undang
5. Kesopanan dan Kesusilaan.¹⁷

Perpaduan adalah satu matlamat penting yang dikehjarn oleh semua negara. Ianya penting kerana tanpa **perpaduan** sesebuah negara itu akan menjadi lemah, sukar untuk dibangunkan dan mudah diancam sama ada oleh kuasa luar atau perbalahan dalam negara itu sendiri.

Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua pernah menyampaikan ucapannya mengenai Rukunegara. Ucapan ini disampaikan ketika melancarkan Minggu Muhibbah dan Perpaduan di sekolah-sekolah melalui radio dan televisyen pada 27 Mac 1971. Sedutan ucapan beliau dicatatkan di bawah ini.

Amalan Rukunegara pada keseluruhannya memberi kita jaminan mengekalkan tradisi-tradisi kebudayaan yang berbagai corak di mana anggota-anggotanya bebas untuk mengamalkan tradisi agama dan adat resam masing-masing. Tujuan kita pada akhirnya ialah membina satu mesyarakat yang progresif dan yang bergerak maju selaras dengan kemajuan sains dan teknologi. Amalan Rukunegara adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat yang cintakan negara ini. Rahsia kesempurnaan Rukunegara ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukunegara akan menjadi secebis surat dokumen yang tidak mempunyai makna. Oleh yang

¹⁷ Zahid Embi, Kenegaraan Malaysia, (Serdang : Universiti Putra Malaysia, 1997), hal. 205

demikian adalah mustahak Rukunegara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-tiap perkataan dan kalimat Rukunegara itu benar-benar menjadi darah daging kita bersama.¹⁸

Rukunegara dicipta ekoran daripada rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Tragedi itu telah menyedarkan pihak kerajaan bahawa **perpaduan** kaum dan perpaduan nasional di Malaysia merupakan satu masalah yang sudah lama terpendam. Rukunegara bertujuan mewujudkan **perpaduan** antara kaum melalui amalan unsur-unsur kemanusiaan sejagat seperti kepercayaan kepada Tuhan, kedaulatan undang-undang dan pemupukan sifat-sifat keperibadian yang tinggi.

Allahyarham Tun Abdul Razak juga pernah menyatakan bahawa Rukunegara membimbing kita semua mencapai cita-cita **perpaduan** yang erat sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai sepenuh kesetiaan kepada bangsa dan negara. Rukunegara juga memberi perangsang untuk memelihara cara hidup yang demokratik di mana kekuasaan muktamad terletak di tangan rakyat, bertindak melalui Perlembagaan dan Parlimen. Rukunegara memberi dorongan untuk menjalankan segala usaha dan ikhtiar

¹⁸ Opcit, Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, hal. 123

mencipta satu masyarakat di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.

Dalam usaha merealisasikan **perpaduan** nasional banyak program-program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Banyak agensi-agensi kerajaan terlibat merangka pelbagai program untuk memberi kefahaman yang jelas kepada rakyat mengenai pentingnya **perpaduan** nasional. Dengan adanya **perpaduan** yang kukuh antara kaum segala program pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Kementerian Penerangan Malaysia sebagai sebuah kementerian penting yang bertanggungjawab memberi penerangan kepada rakyat tidak ketinggalan melaksanakan agendanya. Salah satu program yang dianggap penting dan boleh memupuk **perpaduan** di kalangan masyarakat ialah **Program Gerak Mesra**. Program ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 27 Disember 1995 di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Program Gerak Mesra ini dirangka dengan bermatlamatkan untuk menyemai nilai-nilai baik dalam diri individu seperti silaturahim, liberal, toleran, kasih sayang dan menyemarakkannya di dalam masyarakat melalui interaksi

sosial dalam bentuk musyawarah, muafakat, berbudi, berbudaya, penyayang dan akrab.

Perkataan **MESRA** itu membawa pengertian yang tersendiri. Ia boleh diuraikan seperti berikut iaitu huruf **M** untuk **Musyawarah**, **E** bermaksud **Eratkan**, **S** bermakna **Silaturahim**, **R** membawa pengertian **Rakyat** dan akhir sekali **A** ialah **Akrab**. Apabila digabungkan perkataan Mesra maka bolehlah diertikan bahawa musyawarah akan mengeratkan silaturahim dan hasilnya rakyat menjadi akrab.

Selain daripada kependekan seperti yang tertera di atas perkataan Mesra juga boleh diertikan sebagai bercampur benar-benar, berpadu atau bersebatи. Dalam konteks pergaulan dan perhubungan sesama manusia, bermesra bererti bersahabat, berbaik-baik dan beramah tamah. Keadaan yang mesra wujud apabila orang yang berkumpul berbaik-baik atau beramah tamah antara satu sama lain.¹⁹

Pelaksanaan Program Gerak Mesra ini sudah semestinya mempunyai tujuannya yang tersendiri. Antara tujuan-tujuan pentingnya ialah : -

¹⁹ " Brosur Program Gerak Mesra ", (Kuala Lumpur : Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, 1995), hal. 3

1. Membentuk dan memperkembangkan sebuah masyarakat yang matang, mengamalkan suatu bentuk demokrasi yang unggul berasaskan muafakat dan musyawarah.
2. Membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi toleran dengan setiap warganegara Malaysia tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaan, bebas mengamalkan dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agama masing-masing tanpa merasa tersisih daripada bangsa tersebut.
3. Membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri dengan kebijakan rakyat tidak diasaskan pada ras mahupun individu tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

Memandangkan pentingnya isu **perpaduan** ini ditangani dengan sempurna dan penuh dengan profesionalisme kerajaan telah menubuhkan satu panel yang diberi nama Panel Penasihat **Perpaduan Negara (PANEL)**. Penubuhan panel ini bertujuan untuk melahirkan idea-idea baru bagi mempertingkatkan **perpaduan** negara, menggalakan perhubungan kaum yang positif serta mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrantasi antara kaum.

Ahli-ahli PANEL dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Y.B. Menteri **Perpaduan** Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil dari dari Kerajaan-Kerajaan Negeri/Ketua-Ketua Pentadbir Wilayah Persekutuan, wakil-wakil NGO serta individu-individu yang dilantik atas kedudukan peribadi mereka sebagai tokoh-tokoh di dalam bidang tertentu yang boleh membantu usaha-usaha mempertingkatkan **perpaduan**.

Demikianlah pentingnya **perpaduan** nasional sehingga diberi keutamaan dan penekanan yang begitu tinggi. Perbelanjaan yang besar diperuntukan untuk mengadakan pelbagai program ke arah **perpaduan**. Pelbagai pihak sama ada kerajaan atau pun badan bukan kerajaan mengambil daya inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat murni negara itu. Oleh sebab begitu pentingnya **perpaduan** nasional dengan demikian dapatlah dirumuskan bahawa ia merupakan satu daripada **nilai nasional** Malaysia.

3.4.1.2 NILAI NASIONAL KEDUA - PATRIOTISME

Patriotisme dikutip daripada perkataan Inggeris iaitu *patriotism*. Menurut Kamus Dewan perkataan **patriotisme** membawa makna perasaan cinta yang

kuat terhadap tanah air. Ini bermakna seseorang yang mempunyai semangat **patriotisme** ialah seseorang yang begitu sayang, teramat cintakan negaranya, sanggup mempertahankan tanah airnya hingga menggadai nyawa sekalipun.

Abdul Latiff Abu Bakar (1996) mentakrifkan **patriotisme** sebagai perasaan kesetiaan kepada negara dan ia menjadi unsur penting nasionalisme. Perasaan patriotik ini lebih tertumpu kepada taat setia terhadap Raja dan pemimpin negara. Pengkaji sejarah melihat semangat **patriotisme** di Malaysia bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan menyemarak pada abad ke 17 hingga abad 20.

Ciri-ciri **patriotisme** iaitu semangat taat setia kepada Raja dan pemerintah telah diamalkan oleh rakyat Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka bagi mewujudkan kedaulatan, kekuatan, kestabilan dan peluasan empayar kerajaan. Rakyat Melaka sanggup berkorban demi mempertahankan negeri Melaka daripada diserang musuh dan bagaimana mereka patuh kepada perintah raja (Abdul Latiff Abu Bakar, 1996 : 2)

Dari pernyataan di atas jelas menunjukan bahawa semangat **patriotisme**, cinta dan sayang kepada negara sudah bertapak sekian lama di

hati sanubari rakyat negara ini. Rasa kasih itu wujud kerana mereka dilahirkan di sini, dibesarkan dan menikmati hidup di negara ini.

Patriotisme adalah perjuangan yang menjiwai kepada kepentingan bangsa dan negara. Ia menonjolkan semangat juang yang tinggi bagi mendaulatkan kedudukan, status, dan pengaruh bangsa dan negara. Soal bangsa adalah soal negara (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1995 : 47).

Soal **patriotisme** juga memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan soal-soal dan asas-asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara dari musuh dan ancaman luar adalah satu tanggungjawab rakyat. Kesetiaan kepada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan adalah unsur-unsur **patriotisme** yang amat mustahak.

Unsur-unsur **patriotisme** ini perlu ditanamkan di kalangan generasi muda khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Nilai-nilai **patriotisme** seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu dipertingkat bagi membentuk Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Seorang sarjana barat Leonard W. Doob memberikan definisi yang berbunyi begini : -

*Patriotism : the more or less conscious conviction of a person that his own welfare and that of the significant groups to which he belongs are dependent upon the preservation or expansion (or both) of the power and culture of his society.*²⁰

Leonard W. Doob

Menurut Doob **patriotisme** merupakan pengukuran tahap tinggi atau rendahnya kesedaran keyakinan seseorang terhadap kebajikan dan juga terhadap kumpulannya dan bergantung kepada pengekalan atau pengembangan atau kedua-duanya sekali mengenai kuasa dan budaya masyarakatnya.

Pemimpin negara sejak dulu lagi menekankan soal **patriotisme** ini.

Dengan adanya perasaan cinta dan sayang yang mendalam kepada negara maka segala perancangan untuk membangunkan negara akan dapat dijalankan dengan sempurna tanpa gangguan. Allahyarham Tun Abdul Razak pernah memberi ucapan dalam Mesyuarat Majlis Perpaduan Negara pada 1 Julai 1971, meminta rakyat supaya memiliki sifat **patriotisme** ini.

Kita di Malaysia masih menghadapi ancaman dari pihak pengganas komunis yang menjalankan kegiatan-kegiatan jahat di kalangan penduduk kita yang berbilang kaum sambil mencari segala peluang untuk

²⁰ Leonard W. Doob, *Patriotism and Nationalism*, (London : Yale University Press, 1964), hal. 6

menghancurkan **perpaduan** kaum yang ada sekarang ini. Oleh sebab itu menjadi tanggungjawab rakyat yang terdiri dari berbilang kaum dan dari semua lapisan masyarakat untuk memelihara semangat **perpaduan** dan juga untuk meninggikan lagi **semangat cintakan negara - patriotism** - kepada negara ini. Sekiranya tiap-tiap rakyat mempunyai kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ataupun *sense of belonging* terhadap negara ini maka ini akan merupakan satu benteng yang teguh yang akan dapat menahan dan mematahkan sebarang ancaman musuh-musuh negara kita.²¹

(Tun Abdul Razak, 1971)

Patriotisme adalah sesuatu yang teramat penting sehingga sering mendapat tempat dalam ucapan-ucapan yang disampaikan oleh tunggak utama negara iaitu Perdana Menteri sendiri, Y.A.B Dato` Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kita harus memikir sendiri mengenai **patriotisme** ini. Negara kita sedang membangun. Kita tidak berhajat mendirikan empayar tetapi kita mahu pencapaian yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu. Untuk ini kita tidak boleh didorong semata-mata oleh materialisme. Satu semangat kekitaan yang kuat mesti ada pada kita. Satu semangat kebangsaan yang kukuh mesti mempengaruhi kita. Kita harus didorong oleh **patriotisme**, oleh kebanggaan dengan bangsa kita. Tiap sesuatu yang kita buat hendaklah jangan semata-mata kerana diri sendiri tetapi juga kerana bangsa dan negara. Bagi yang betul-betul patriotik jika

²¹ Opcit, Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, hal. 239

kepentingan diri bertentangan dengan kepentingan bangsa dan negara, kepentingan diri mengambil tempat kedua. Yang utama ialah bangsa dan negara.²²

Beliau seterusnya menyeru semua rakyat memupuk semangat setia dan sayang kepada bangsa dan negara dan **patriotisme** hendaklah menjamin kita tidak membuat apa-apa yang merugikan bangsa dan negara. Sebaliknya sebarang tindakan yang diambil mestilah membawa manfaat kepada bangsa dan negara.

Untuk memupuk semangat patriotisme ini pelbagai program dilancarkan oleh pihak kerajaan. Sejak dari awal lagi rakyat Malaysia diajak supaya mencintai negara sendiri. Lagu Kebangsaan dicipta supaya rakyat menghayatinya dan seterusnya wujud rasa kasih dan cinta kepada negara. Lagu Negaraku diperkenalkan kepada anak-anak seawal umur enam atau tujuh tahun lagi iaitu ketika di Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) atau pun semasa di sekolah rendah.

Lagu ini didedahkan kepada anak-anak pada peringkat awal supaya mereka tahu menghormatinya dan memahami senikata yang terkandung di dalamnya. Sifat menghormati lagu Negaraku ini akan menjadi satu stigma

²² Ucapan Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mahamad, Perdana Menteri Malaysia, di Majlis Perhimpunan Hari Dan Minggu Belia, (Kuala Lumpur : Pusat Dagangan Dunia Putra, di petik daripada Koleksi Ucapan Mahathir di Internet : Jabatan Perdana Menteri, 4 hb. Jun 1988), hal. 3

dalam jiwa mereka dan seterusnya akan timbulah rasa hormat, kasih, cinta dan sayang kepada negara di mana mereka dilahirkan.

Selain dari itu sambutan Hari Kebangsaan diadakan pada tiap-tiap tahun bertujuan mengenang kembali sejarah negara mencapai kemerdekaan. Banyak pengajaran boleh ditimba daripada sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan ini. Antaranya ialah semangat kental generasi lalu yang tidak rela tanah air mereka dijajah. Mereka rela berjuang untuk menyelamatkan maruah bangsa dan tanah air.

Falfasah di sebalik sambutan Hari Kebangsaan ini ialah supaya rakyat khasnya generasi muda dapat mengenang kembali tarikh keramat negara mencapai kemerdekaan. Di samping itu dapat juga memberi keinsafan kepada seluruh rakyat betapa susahnya pejuang-pejuang silam menghambakan diri berjuang untuk memperoleh kemerdekaan. Jasa mereka sentiasa dikenang. Kenyataan di atas disokong oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia dalam Perutusan Hari Kebangsaan Ke-28 melalui Radio Televisyen Malaysia pada 30 Ogos 1985.

Dua daripada tiga orang penduduk negara kita adalah terdiri daripada generasi muda. Mengikut anggaran hampir 68 peratus penduduk negara kita yang berjumlah 15 juta adalah di bawah 30 tahun. Ini bermakna dua pertiga rakyat negara ini tidak menyaksikan perjuangan kemerdekaan.

Dengan itu penduduk negara kita yang telah mengalami hidup dijajah dahulu semakin berkurangan jumlahnya dan tahun demi tahun semakin ramai pula mereka yang meninggalkan kita selama-lamaya. Pemergian mereka bukan sahaja menyedihkan kerana mereka tidak lagi bersama-sama kita tetapi kerana kita tidak lagi dapat mengenal dan berkongsi pengalaman mereka yang begitu penting dalam menyedarkan kita akan makna hidup bebas daripada belenggu penjajahan.²³

Setiap kali menjelangnya sambutan hari bersejarah itu pelbagai program disusun rapi di seluruh negara. Pada hari perayaan iaitu pada 31 Ogos acara-acara itu dipersembahkan dengan penuh semangat dan kesungguhan. Sudah tentunya acara-acara itu akan menjurus kepada mengajak rakyat supaya menghayati erti sebenar kemerdekaan dan seterusnya menanamkan semangat **patriotisme** terhadap negara.

Dalam usaha meningkatkan rasa cinta kepada negara pelbagai usaha dan program diadakan melalui penglibatan agensi-agensi kerajaan. Kementerian Penerangan Malaysia sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab memberi maklumat dan penerangan secara terperinci dan jelas kepada rakyat tidak ketinggalan melaksanakan beberapa kempen yang menjurus kepada **patriotisme**.

²³ Ibid, *Koleksi Ucapan Mahathir (Sosial)*, hal. 411

Setiap kempen yang dianjurkan sudah semestinya mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri. Matlamat dan tujuan yang digariskan pastinya mengarah kepada kebaikan dan kesejahteraan negara. Menanamkan semangat **patriotisme** kepada negara adalah salah satu agenda terpenting yang diambilkira oleh Kementerian Penerangan Malaysia semasa merancang untuk menganjurkan sesuatu kempen.

Antara kempen-kempen yang telah dilancarkan oleh Kementerian Penerangan Malaysia dan mempunyai matlamat menjurus kepada meningkatkan rasa cinta, kasih dan setia kepada negara ialah **Gerakan Bersepadu Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) dan Kempen Gerakan Cintakan Negara.**

SEMARAK akan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat seluruhnya untuk menjalin hubungan yang lebih mesra antara satu sama lain, berbincang dan bertukar-tukar fikiran, mengendalikan berbagai-bagi projek dan usaha amal jariah secara bersama dan juga mengambil bahagian dalam berbagai bentuk kegiatan hidup rakyat.

Melalui program ini kerajaan berharap akan dapat menyemarakkan lagi segala kerjasama antara kerajaan, pemimpin-pemimpin dan rakyat untuk

mewujudkan Malaysia sebagai satu negara dan bangsa yang lebih maju, bermaruah dan sejahtera.

Melalui program SEMARAK itu dapat melahirkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan mempunyai perasaan setia dan cinta yang tidak berbelah bahagi kepada negara Malaysia di samping lebih mengeratkan lagi hubungan antara rakyat dengan kerajaan dan antara kerajaan dengan rakyat seluruhnya.

Program SEMARAK ini juga bertujuan untuk menghapuskan segala tembok komunikasi antara rakyat dengan kerajaan dan kerajaan dengan rakyat, untuk menciptakan satu kesefahaman dan hubungan setia yang mesra dan kukuh. Hanya ini akan membolehkan rakyat dan kerajaan mengorak langkah untuk sama-sama berjuang bagi membina negara dan bangsa yang maju, makmur dan berdaulat. Rasa cinta rakyat kepada kerajaan merupakan satu pemangkin ke arah kesejahteraan, kemakmuran dan kemajuan negara seterusnya.

Selain SEMARAK satu lagi program yang telah diusahakan oleh Kementerian Penerangan Malaysia ialah Gerakan Cinta Negara. Seperti tercatat pada tajuk programnya, sudah jelas membayangkan bahawa tujuan utamanya ialah mengajak rakyat mencurahkan rasa cinta yang mendalam

kepada negara. Program ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Disember 1998 di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Gerakan Cinta Negara mempunyai objektif yang murni iaitu menyedarkan rakyat khususnya generasi muda betapa pentingnya semangat cinta negara dengan menjiwai kembali masa lampau mengenai perjuangan kemerdekaan sebagai khazanah yang tidak ternilai untuk bekalan individu bagi menyambung perjuangan yang belum selesai.²⁴

Program Cinta Negara merupakan gerakan kesedaran ke arah memantapkan perpaduan, menggerak sokongan dan menyemarakkan semangat nasionalisme seluruh rakyat Malaysia. Cinta kepada negara sewajarnya menjadi tanggungjawab setiap rakyat negara ini. Perasaan kasih sepenuhnya tanpa berbelah bahagi perlu dicurahkan. Sekiranya negara kita tidak lagi selamat untuk didiami maka mahu tidak mahu kita sendiri yang terpaksa menerima bahana dan kesengsaraan.

Pembangunan pesat dan cemerlang yang kita kecapai kini tidak akan tercapai tanpa semangat dalaman, rasa kasih dan cinta kepada negara.

²⁴ Buletin MESRA, Bil.7 - Januari 1999, (Kuala Lumpur : Kementerian Penerangan Malaysia, 1999), hal. 10.

Kemakmuran dan kesejahteraan negara akan terus wujud dengan semangat kerjasama semua kaum di negara ini. Sejajar dengan semangat ini, sikap toleransi dan hormat menghormati mesti sentiasa dipupuk dan dipertingkatkan supaya perpaduan dan keharmonian kaum terpelihara.

Selain Kementerian Penerangan Agensi Kerajaan dan badan-badan lain juga ada menganjurkan program ke arah patriotisme ini. **Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru** telah diadakan pada 18 Februari 2001 bertempat di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Majlis itu telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Perhimpunan itu dianjurkan oleh Majlis Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan serta 77 buah badan masyarakat sivil lain sebagai penganjur bersama.

Salah satu sebab utama perhimpunan itu diadakan ialah untuk meningkatkan semangat dan makna **patriotisme** khasnya di kalangan belia. Belia adalah bakal pewaris pimpinan negara ini. Oleh itu amatlah penting semangat **patriotisme** ditanam dalam jiwa mereka. Tujuan lain ialah untuk menggalakkan belia menterjemahkan **patriotisme** ke dalam bentuk

sumbangsan konkret terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.²⁵

Semasa merasmikan perhimpunan tersebut Perdana Menteri telah memberikan amanat beliau kepada golongan belia. Antaranya beliau mengingatkan para belia mengenai pentingnya memupuk semangat **patriotisme**. Menurut beliau lagi semangat **patriotisme** merangkumi kecintaan dan kesetiaan terhadap negara serta mengamalkan semangat kekitaan dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.

Perdana Menteri juga mengingatkan generasi muda bahawa mereka harus sedar mengenai kesan negatif globalisasi dan tidak harus menerimanya secara bulat-bulat. Melalui semangat **patriotisme** dan membangunkan budaya, rakyat dapat memperkuat dan memperkuuhkan benteng moral yang mulia. Semangat **patriotisme** perlu dipupuk bagi menghadapi ancaman budaya dari luar.

Generasi muda perlu mempunyai semangat cinta kasih yang kekal dan kental selain bersemangat setia kepada negara. Semangat **patriotisme** amat penting untuk membangunkan negara supaya menjadi sebuah negara yang

²⁵ Saifudin Abdullah, " Didik Belia Dengan Patriotisme " (Kuala Lumpur : Artikel dalam akhbar Utusan Malaysia keluaran 15 Februari 2001).

dihormati di dunia. Sebagai pewaris negara generasi muda harus mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang tinggi serta semangat **patriotisme** yang kukuh.

Demikianlah betapa pentingnya semangat **patriotisme** yang semestinya ada dalam setiap jiwa rakyat negara ini. Pelbagai program dianjurkan, berbagai-bagai acara disusun untuk meningkatkan rasa sayang kepada negara. Apabila semua rakyat cinta kepada negara, akan aman dan tenteramlah negara dan segala perancangan yang direncanakan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Tidak syak lagi bahawa **patriotisme** merupakan satu lagi **nilai nasional** bagi Malaysia.

3.4.1.3 NILAI NASIONAL KETIGA - PEMBANGUNAN NEGARA

Pembangunan mempunyai pelbagai maksud dan dimensi. Umumnya, pembangunan adalah merujuk kepada usaha mengubah masyarakat atau negara daripada keadaan mundur kepada maju. Perubahan ini meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti sosial, kebudayaan, politik, ekonomi dan psikologi. Ia juga meliputi aspek-aspek kebendaan dan bukan kebendaan, sumber fizikal dan sumber manusia (Ma'rof Redzuan, Kenegaraan Malaysia, 1997 : 222)

Pembangunan juga dinyatakan sebagai satu proses perubahan masyarakat secara keseluruhannya dan perubahan itu hendaklah membawa kepada pembebasan serta kemajuan manusia (Syed Husin Ali, 1984:1).

Demikianlah pengertian umum yang diberikan kepada perkataan pembangunan. Namun kalau sekiranya masih jelas terdapat jurang kemiskinan antara kaya dan miskin, masih ramai yang menganggur, masih terdapat penjajahan politik dan mental serta masih terdapat masalah-masalah sosial maka pembangunan sebenar masih belum tercapai. Dengan demikian pengertian pembangunan itu perlu diluaskan lagi, bukan sahaja daripada segi pertumbuhan ekonomi tetapi juga aspek-aspek lain, khususnya kesejahteraan hidup manusia.

Oleh itu bolehlah dinyatakan bahawa pembangunan merupakan kemampuan manusia memenuhi potensi dan untuk mempastikan mereka dapat memperolehi keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pekerjaan dan kesamarataan. Apa yang penting dalam pembangunan ialah kemampuan manusia memenuhi keperluan-keperluan perkhidmatan asas seperti kesihatan, pendidikan, bekalan air bersih, keselamatan diri dan hak-hak kemanusiaan (Ma'rof Redzuan, Kenegaraan Malaysia, 1997 : 223).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tanggungjawab merancang pembangunan negara terletak di bahu anak-anak tempatan. Selepas merdeka Tanah Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Malaysia begitu giat dan bersungguh-sungguh merancang pembangunan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Dalam perkataan lain, Malaysia ingin mengisi kemerdekaan yang telah diperolehi. Ekoran dari keinginan ini, perancangan pembangunan yang lebih sistematik diwujudkan.

Pengisian kemerdekaan adalah dalam bentuk meningkatkan taraf hidup masyarakat, khususnya masyarakat luar bandar. Perancangan sistematik diperlukan untuk memudahkan pelaksanaan program-program pembangunan dan menentukan keutamaan program sesuai dengan hasrat rakyat dan negara.

Rancangan pembangunan negara dilakukan mengikut tahap dan peringkat-peringkat tertentu. Sebenarnya rancangan pembangunan itu telah dilaksanakan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi. Rancangan pembangunan itu dikenali sebagai Rancangan Malaya (1956 - 1965) dan Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya hingga ke sekarang. Kini negara sedang melalui Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan itu dibentangkan di Parlimen oleh Y. A. B

Dato ' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2001.

Jadual pelaksanaan Rancangan Malaya / Malaysia adalah seperti berikut :-

Rancangan Malaya Pertama - 1956 hingga 1960
Rancangan Malaya Kedua - 1961 hingga 1965
Rancangan Malaysia Pertama - 1966 hingga 1970
Rancangan Malaysia Kedua - 1971 hingga 1975
Rancangan Malaysia Ketiga - 1976 hingga 1980
Rancangan Malaysia Keempat - 1981 hingga 1985
Rancangan Malaysia Kelima - 1986 hingga 1990
Rancangan Malaysia Keenam - 1991 hingga 1995
Rancangan Malaysia Ketujuh - 1996 hingga 2000
Rancangan Malaysia Kelapan - 2001 hingga 2005

Dasar pembangunan menjadi lebih ketara khususnya bermula dari tempoh Rancangan Malaysia Kedua sehingga Rancangan Malaysia Kelima (1981 - 1990) iaitu dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 (RRJP1) yang meliputi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Keenam sehingga Rancangan Malaysia Ketujuh (1990 - 2000) iaitu dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 (RRJP2) yang meliputi Dasar Pembangunan Nasional.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan dalam tahun 1970 sebagai tindak balas kepada peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa tersebut adalah

rusuhan antara kaum khususnya antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina. Umumnya, jika dikaji dengan mendalam jarak sosial memang sudah lama wujud antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina di Malaysia. Antara punca utamanya ialah jurang ekonomi antara kaum, politik perkauman dan prasangka.

Program-program pembangunan sejak merdeka belum dapat mengatasi perbezaan sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera, desa dengan bandar, negeri-negeri pantai barat dengan pantai timur dan negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Jurang perbezaan ini melahirkan rasa terasing, berbeza dan konflik antara penduduk yang terpisah dalam pelbagai segi.

Kesemua faktor di atas menyumbang kepada keadaan "retak menunggu belah" dan terjadinya "belah" apabila pihak pembangkang merayakan kejayaan mereka dalam pilihanraya 1969. Seterusnya berlakulah rusuhan kaum dan demokrasi terpaksa digantung. Parlimen terpaksa dibubarkan dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk memerintah. Bertitik tolak daripada sinilah DEB diperkenalkan dan dilancarkan bagi tempoh 20 tahun iaitu bermula dari tahun 1971 hingga 1990.

Rancangan-rancangan pembangunan di bawah DEB adalah disusun dan dijalankan menerusi strategi serampang dua mata iaitu :-

- i. Mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.
- ii. Penyusunan semula masyarakat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

DEB merupakan dasar ekonomi yang unik dalam konteks masyarakat majmuk. Ia merupakan "penjuruteraan sosial" kerana kejayaannya akan merubah keseluruhan sistem sosial masyarakat majmuk Malaysia. DEB merupakan satu strategi negara untuk menghadapi realiti perbezaan etnik dalam usaha mencapai keseimbangan dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia juga merupakan satu dasar yang mempunyai cabaran, pengorbanan dan iltizam yang memerlukan satu perubahan sikap atau mental semua penduduk negara ini (Ma'ruf Redzuan, Kenegaraan Malaysia, 1997 : 228).

Secara keseluruhannya DEB telah berjaya membawa perubahan dalam tempoh dua puluh tahun ia dilaksanakan (1971 - 1990) sepanjang tempoh RRJP1. Tidak dapat dinafikan bahawa hasilnya adalah positif dan ia berjaya mencapai perpaduan nasional melalui falsafah pembangunan dengan pengagihan saksama.

Tahun 1990 menandakan berakhirnya RRJP1 dan sekaligus juga berakhirnya DEB. Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1971-1990) ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesatnya walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Sesuatu yang tidak boleh disangkal adalah walaupun pencapaian DEB bukanlah satu kejayaan menyeluruh namun banyak kejayaan telah dicapai. Jelas bahawa proses penjuruteraan sosio-ekonomi ala DEB ini memerlukan masa yang lebih lama dengan mengambil kira kesan-kesan daripada pergolakan dunia amnya.

Ekoran daripada itu kerajaan telah merangka satu lagi dasar baru mengenai pembangunan yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Nasional (DPN). DPN telah dilancarkan oleh Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991. DPN tercakup dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang bermula dari tahun 1991 hingga 2000. Ia menandakan bermulanya satu lagi era baru dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Seperti DEB, DPN akan meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi bukan sahaja di kalangan kaum etnik tetapi juga di antara golongan kaya dan miskin dan antara wilayah. Ketidakseimbangan ekonomi ini akan dapat dikurangkan berdasarkan prinsip pembangunan

seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkuatkan perpaduan negara.

Ternyata sekali peranan pembangunan adalah amat penting sekali dalam negara yang sedang membangun ini. Pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan dan akan terus dirancang untuk kesejahteraan rakyat pada masa hadapan. Negara perlu bersaing dengan negara-negara lain di dunia yang telah mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi. Oleh sebab pentingnya pembangunan ini kepada negara maka ia menjadi satu agenda yang terpenting. Dengan itu ia merupakan satu lagi **nilai nasional** kepada negara Malaysia.

3.4.1.4 NILAI NASIONAL KEEMPAT - WAWASAN 2020

Semasa pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk "Malaysia - Melangkah Ke Hadapan" yang mengandungi satu pemikiran dan rangka kerja mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Ianya dikenali sebagai "Wawasan 2020".

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perkataan wawasan. Secara mudahnya wawasan ialah suatu kesedaran atau suatu pemahaman terhadap maksud dan makna kenapa berlakunya pelbagai peristiwa dan kejadian di sekitar kehidupan kita. Suatu wawasan adalah suatu ilham dan pandangan jauh terhadap makna kejadian di sekitar kehidupan harian kita. Wawasan adalah suatu hasil renungan mendalam terhadap makna kehidupan (Abdullah Sanusi Ahmad, 1994:1).

Apakala wawasan itu menjangkau dan meliputi tempoh waktu yang panjang maka ia menjadi gambaran atau *vision* terhadap keadaan masa depan yang masih jauh. Ia adalah suatu pelukisan bentuk rupa keadaan kehidupan masa depan.

Demikianlah pengertian yang diberikan kepada perkataan wawasan. Satu pandangan jauh ke hadapan yang ada dalam pemikiran seseorang. Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pemikiran yang tajam dan menghasilkan satu wawasan yang cukup berasas. Dalam kertas kerjanya yang dibentang kepada Majlis Perdagangan Malaysia beliau berharap agar negara Malaysia menjadi sebuah negara maju menurut acuannya sendiri. Antara lain beliau menyatakan : -

Kita berharap rakyat Malaysia yang lahir ini dan beberapa tahun yang akan datang akan merupakan angkatan yang terakhir yang masih hidup dalam negara yang disebut "membangun". Matlamat terakhir yang sepatutnya kita cita-citakan adalah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020 Masehi. Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala seginya: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepadan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri.²⁶

Wawasan 2020 bukanlah merupakan satu dasar khas tetapi merupakan tindakbalas kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa yang mana telah memberi cabaran hebat kepada negara. Wawasan ini telah diketengahkan sebagai satu garis panduan dan rangka kerja mengenai pendekatan yang harus diambil dalam memulakan langkah bagi perjalanan jauh yang akan ditempuh oleh negara.

²⁶ Dr. Mahathir Mohamad, " Malaysia Melangkah Ke Hadapan " - dipetik dari buku Wawasan 2020 (Kuala Lumpur : Hazrah Enterprise, 1993), hal. 301 - 302

Matlamat terakhir yang dicita-citakan ialah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad kepada bidang ekonomi sahaja malah ia akan merangkumi segala aspek kehidupan yang berkisar dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka akan menjadi negara yang benar-benar maju, bersatu, mampu berdikari, progresif dan makmur. Rakyat akan menikmati kehidupan yang sempurna dalam satu masyarakat yang demokratik, bertoleransi, bermoral, adil, mampu bersaing, dinamik dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi. Ini bermakna Wawasan 2020 bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang ada sekarang.

Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna dan tidak diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

Matlamat di atas adalah bertepatan sekali dengan pandangan yang diberikan oleh Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Menteri

Pertahanan Malaysia dalam satu artikel yang bertajuk "Wawasan 2020 Dan Masa Depan Bumiputera". Artikel tersebut dimuatkan dalam buku Wawasan 2020.

Tentunya matlamat yang murni dan dinamik ini amat menepati kandungan cabaran yang tercerna di dalam Wawasan tersebut, yang secara menyeluruh dapat disimpulkan sebagai impian untuk membina sebuah negara Malaysia yang maju dan bersatu melalui pembangunan manusia dan kemanusiaan yang dapat dibina atas prinsip masyarakat adil, demokratik, bertimbangrasa, penyayang, saling menghormati, dan bertolak ansur - negara yang dinamik dan progresif dalam konteks kejayaan yang cemerlang dan berkualiti tinggi di bidang ekonomi, pendidikan, teknologi, sains dan nilai sosial budayanya.²⁷

Seorang lagi tokoh dalam Kerajaan Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berpendapat bahawa untuk mencapai wawasan murni itu, satu bentuk transformasi atau perubahan perlu dilakukan. Dengan wujudnya transformasi itu barulah segala cabaran yang berada di hadapan dapat direda dan ditangani dengan baik. Tan Sri Muhyiddin berkata demikian dalam satu artikelnya yang bertajuk "Transformasi Bangsa Malaysia Ke Arah Pencapaian Matlamat Wawasan 2020".

²⁷ Mohd. Najib Tun Abdul Razak, " Wawasan 2020 Dan Masa Depan Bumiputera " - dipetik dari buku Wawasan 2020 (Kuala Lumpur : Hazrah Enterprise, 1993), hal. 8

Saranan atau sembilan cabaran strategik yang diajukan di dalam Wawasan 2020 sebenarnya mahukan kita dikenali sebagai bangsa Malaysia melalui proses transformasi atau perubahan daripada satu tahap kemajuan yang ada pada hari ini kepada tahap kemajuan yang lebih meyakinkan untuk hari esok dan seterusnya. Tugas besar mentransformasikan bangsa Malaysia itu memerlukan pengorbanan dan perubahan yang mampu menggilap kebolehan dan kelebihan kita serta mengembangkan potensi bangsa Malaysia agar kita tetap unggul mengikut cara kita sendiri.²⁸

Demikianlah harapan tinggi setiap orang terhadap pencapaian satu agenda keramat negara iaitu Wawasan 2020. Ia merupakan satu instrumen kepada warga Malaysia untuk memajukan diri dan negara seiring dengan kemajuan globalisasi sejagat. Oleh itu ia adalah satu nilai yang perlu dihayati oleh setiap rakyat yang mengaku cintakan negara.

Cabaran-Cabaran Wawasan 2020

Objektif di atas hanya boleh dicapai jika rakyat Malaysia dapat menghadapi dan mengatasi pelbagai halangan dan rintangan yang dianggap sebagai cabaran. Sembilan cabaran yang dikenalpasti ialah seperti berikut :-

²⁸ Muhyiddin Yassin, " Transformasi Bangsa Malaysia Ke Arah Pencapaian Matlamat Wawasan 2020 " - dipetik dari buku Wawasan 2020 (Kuala Lumpur : Hazrah Enterprise, 1993), hal. 16

Cabaran 1 - Membentuk sebuah negara yang bersatu padu

Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Cabaran 2 - Melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan mempunyai keyakinan diri

Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati oleh rakyat negara lain.

Cabaran 3 - Membangunkan masyarakat demokratis yang matang

Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

Cabaran 4 - Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh moral dan etikanya serta utuh nilai keagamaannya

Budi pekerti yang luhur, nilai-nilai moral, etika, keagamaan dan kerohanian yang utuh adalah tunjang kepada pembentukan sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu. Ia juga dapat membantu ke arah pembentukan masyarakat demokratis yang matang, bebas dan teguh yang kemudiannya mampu melahirkan rakyat yang berkeyakinan diri. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika paling tinggi.

Cabaran 5 - Mewujudkan masyarakat yang matang dan bersifat toleran

Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.

Cabaran 6 - Membentuk masyarakat yang bersifat sains serta progresif

Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke hadapan yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Cabaran 7 - Mewujudkan masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang

Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar kepada negara atau individu tetapi di sekeliling sistem kekeluargaan yang kukuh.

Cabaran 8 - Menjamin pembentukan sebuah masyarakat yang adil ekonominya

Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

Cabaran 9 - Mewujudkan masyarakat yang makmur

Malaysia terpaksa bersaing dengan negara-negara lain yang sedang berlumba-lumba mencapai kemakmuran untuk rakyatnya. Untuk berjaya dalam persaingan ini dan mencapai kemakmuran untuk rakyat adalah wajar bagi Malaysia mewujudkan suatu ekonomi yang dinamis, berdaya saing, tangkas, berdaya tahan, giat dan kental.

Sekali imbas Wawasan 2020 seolah-olah merupakan wawasan ekonomi semata-mata kerana ia mementingkan persoalan pembangunan

ekonomi untuk Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian. Jika dihalusi betul-betul ia sebenarnya lebih daripada itu oleh kerana ia juga menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan aspek sosial dan cara hidup seperti pembentukan dan keperibadian bangsa, moral dan etika, kebudayaan kebangsaan, pembangunan sumber manusia dan lain-lain.

Wawasan 2020 bukanlah slogan untuk dilaung-laungkan semata-mata, tetapi ia lebih merupakan rangka kerja tindakan bagi setiap rakyat untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan Malaysia menjadi negara yang benar-benar maju dan makmur. Dalam konteks ini wawasan tersebut memerlukan beberapa perisian penting di antaranya ialah kualiti tenaga kerja yang dihasilkan oleh sistem pendidikan, perubahan sikap dan nilai, penekanan kepada sains dan teknologi, perancangan dan peranan sektor swasta yang lebih dinamik.

Pencetus idea ini, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai harapan yang sungguh tinggi terhadap pencapaian Wawasan 2020. Ianya tergambar dalam ucapan beliau kepada ahli Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991.

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatupadu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan.²⁹

3.4.1.5

NILAI NASIONAL KELIMA - KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia merangkumi pelbagai aspek yang ada kaitannya dengan memenuhi kehendak-kehendak hidup sosial. Kebudayaan melambangkan keperibadian sesebuah bangsa dan negara. Dengan itu ia memainkan peranan penting dan harus dipupuk dalam apa juu usaha supaya identiti dan keperibadian Malaysia dapat ditonjolkan. Ia sudah tentu memerlukan pengembangan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang bersepadu dan berterusan (Aishah Idris, Kenegaraan Malaysia, 1997:216).

Kebudayaan meliputi segala-gala yang terdapat dalam masyarakat termasuk segalagagasan (idea), alatan dan bentuk pengucapan. Beberapa

²⁹ Dr. Mahathir Mohamad, " Malaysia Melangkah Ke Hadapan " - dipetik dari buku Wawasan 2020 (Kuala Lumpur : Hazrah Enterprise, 1993), hal. 302

ciri tertentu kebudayaan membezakannya dari benda-benda atau gejala bukan kebudayaan seperti sumber alam semulajadi ataupun naluri semulajadi semua hidup-hidupan. Secara mudah kebudayaan adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat (Zainal Kling, 1982:4)

Kebudayaan adalah sentiasa ditanggap sebagai ciri-ciri hidup manusia yang dipelajari, sebagai sistem perhubungan antara individu dalam masyarakat, sebagai hasil penyesuaian anggota masyarakat dengan alam tabii sekitarnya dan mempunyai sifat berlanjutan melebihi dari hayat hidup manusia yang mendokongnya hingga anasir itu menjadi tradisi, sejarah dan tamadun. Kerana kesejarahannya kebudayaan sentiasa mengalami perubahan bentuk dan kandungan hingga menjadi beragam.

Drs. Sidi Gazalba pula memberi pandangannya iaitu kebudayaan ialah sebagai cara berfikir dan cara merasa yang diperlihatkan dalam keseluruhan kehidupan manusia yang membentuk satu kesatuan sosial dalam satu-satu masa dan tempat. Keseluruhan segi kehidupan itu meliputi segi-segi sosial, ekonomi, politik, pengetahuan-pengetahuan teknik, kesenian, falsafah dan keagamaan.³⁰

³⁰ Drs. Sidi Gazalba, *Batas Kebudayaan dan Agama*, (Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributor)

Bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, proses pembentukan kebudayaan nasional memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya dapat melahirkan cara hidup yang bersifat keMalaysiaan. Perancangan kebudayaan ini harus menentukan sifat-sifat yang baik, mulia dan utama bagi pembinaan bangsa dan ketahanan negara.

Kebudayaan Nasional merupakan satu konsep yang mahu direalisasikan ke dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Pengwujudan Kebudayaan Nasional ini adalah dianggap sebagai satu yang amat penting bagi keutuhan, kemakmuran, keharmonian dan perpaduan untuk seluruh masyarakat Malaysia.³¹

Tokoh akademik yang tidak asing lagi Tan Sri Awang Had Salleh ada membicarakan mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam kertas kerja yang dibentangkannya semasa Konvensyen Pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris. Konvensyen itu dianjurkan oleh Persatuan Suluh Budiman dan diadakan pada 1 Ogos 1983.

³¹ Naim Haji Ahmad, " Media Elektronik dan Kebudayaan Nasional ", (Kuala Lumpur : Seminar Kebudayaan Nasional 1982/83, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya), hal. 1

Di samping Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) terdapat pula **Dasar Kebudayaan Kebangsaan**. Walaupun dasar ini tidak sehebat didebatkan oleh semua kaum seperti caranya libatan semua kaum dalam berdebatan tentang DEB dan DPK tetapi pada pendapat saya matlamat dasar itu ialah menggerakkan **masyarakat Malaysia menganut dan melibatkan diri menyertai satu cara hidup, satu cara berfikir, satu cara penghayatan tradisi dan pusaka negara, yang akhir-akhirnya mencerminkan kehadiran satu kebudayaan bersama.** Terlepas daripada perhitungan cara hidup peribadi individu dan terlepas daripada perhitungan cara hidup kelompok pada peringkat tak formal dan tak nasional maka harapan kita ialah supaya dalam caranya kita berfikir, berbahasa dan menghayati tradisi serta matlamat untuk negara bagi hari hadapan. Semuanya ini pada tahap formal dan nasional mencerminkan kewujudan Kebudayaan Kebangsaan. Oleh itu dalam konteks ini Dasar Kebudayaan Kebangsaan itulah lebih penting pada akhir-akhirnya.³²

Kebudayaan merupakan fakta penyatu yang penting dalam pembinaan negara. Kesedaran meluas ke arah menumbuhkan nilai-nilai budaya yang sama melalui keperibadian bangsa dan kenegaraan kian bertambah (Aziz Deraman, 1982:37).

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang

³² Awang Had Salleh, "Pendidikan dan Nasionalisme : Penentuan Konsep dan Penentuan Strategi", (Tanjung Malim : Konvensyen Pendidikan Kelapan anjuran Suluh Budiman Maktab Perguruan Sultan Idris, 1 Ogos 1983), hal. 9 - 10

kaum seperti Malaysia. Dasar ini akan dapat menjadi garis panduan dalam membentuk, mewujud dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

Penggubalan dasar ini perlu dibuat dengan mempertimbangkan fakta-fakta perkembangan sejarah serantau dan kedudukan negara ini sebagai pusat pertemuan serta pusat tamadun dan perdagangan. Peranannya sebagai sebuah pusat pertemuan, telah melahirkan proses interaksi, pengenalan, penyerapan dan penerimaan pelbagai unsur-unsur yang sesuai kepada kebudayaan asas rantau ini dari pelbagai unsur-unsur kebudayaan dunia.

Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua semasa merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 16 Ogos 1971 ada menyentuh mengenai corak kebudayaan kebangsaan yang sepatutnya. Beliau menyatakan;

Nene moyang bangsa kita yang mendiami rantau nusantara ini meninggalkan pesaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka ini, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa Kebudayaan Kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Bagaimanapun patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh ke atasnya semenjak beberapa lama s upaya pengaruh-pengaruh

yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa depan.

Tun Abdul Razak

Sehubungan dengan itu, sebagai satu proses yang berterusan, pengwujudan kebudayaan kebangsaan Malaysia akan terus berlandaskan unsur-unsur dan tiga prinsip yang ditetapkan oleh kerajaan sebagai Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Tiga prinsip yang dimaksudkan itu ialah seperti berikut.

1. Kebudayaan Rakyat Asal Rantau

Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi adalah merupakan bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu.

Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan dan warisan Kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu berpusat di Melaka yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa (*lingua franca*). Kebudayaan serantau ini digambarkan oleh persamaan-persamaan di bidang bahasa yang berasaskan keluarga

bahasa Melayu - Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya.

Budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Dengan yang demikian, kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada kebudayaan kebangsaan.

2. Penerimaan Unsur-Unsur Kebudayaan Lain

Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Dengan itu unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar diberi pertimbangan dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Kesesuaian penerimaan dalam penyerapan ini adalah bergantung kepada tidak wujudnya percanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukunegara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khasnya.

3. Islam Menjadi Unsur Utama dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan

Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal dan kerana itu patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Ini memandangkan kedudukannya sebagai agama rasmi negara di samping telah wujudnya fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini.

Objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Pembangunan kebudayaan kebangsaan amatlah penting untuk mewujudkan sebuah negara yang stabil dan bersatu padu. Dengan yang demikian usaha-usaha pembentukan kebudayaan kebangsaan Malaysia adalah bertujuan untuk mencapai tiga objektif penting iaitu:

- i. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan;
- ii. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan kebangsaan; dan
- iii. Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

Penggubalan dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah perlu bagi negara Malaysia yang sedang membangun dan mempunyai penduduk berbilang kaum yang mengamalkan budaya berbeza. Dasar ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

Namun demikian perlaksanaannya adalah rumit dan tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat. Kesedaran dan kefahaman yang luas akan dapat membantu tercapainya hasrat dan cita-cita pelaksanaan dasar ini kerana dengan keinsafan itu sahaja kebudayaan kebangsaan akan dapat dibezaikan dengan kebudayaan kesukuan atau kebudayaan kaum.

Kebudayaan yang dipupuk itu akan mencirikan sifat-sifat persamaan yang melampaui batas-batas suku kaum dan memperlihatkan keperibadian kebangsaan Malaysia itu sendiri sebagai sebuah negara yang merdeka dan bermaruah. Begitulah betapa pentingnya pemupukan kebudayaan kebangsaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Pengamalan satu bentuk kebudayaan akan menghasilkan masyarakat yang bersatu padu dan saling bantu membantu. Ternyata bahawa kebudayaan kebangsaan merupakan satu lagi **nilai nasional** kepada negara Malaysia.

3.4.1.6

NILAI NASIONAL KEENAM - AMALAN KEBERSIHAN

Keadaan yang kotor dengan sampah sarap dan bau busuk bukan sahaja menimbulkan pemandangan yang jelik dan rasa jijik bahkan membawa keburukan dan menjelaskan kesihatan kita. Kebersihan membawa kesempurnaan hidup kepada semua orang. Kalau keadaan di rumah kita bersih, kita lebih terpelihara dari berbagai jenis penyakit yang dibawa oleh serangga dan kuman. Di sekolah kebersihan membawa keselesaan kepada murid dan guru yang mana akan menolong pengajaran dan penyerapan ilmu dengan lebih sempurna. Kalau tempat bermiaga pula bersih, kita dapat menarik lebih ramai pelanggan dan memperolehi pendapatan yang lebih. Kalau tempat kerja kita bersih, kita dapat mewujudkan suasana kerja yang baik yang akan menimbulkan daya pengeluaran yang lebih tinggi. Kalau kampung, bandar dan negara kita bersih, maruah kita tidak akan terjejas dan kita akan dihormati oleh orang lain. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab setiap orang daripada kita untuk menjaga kebersihan rumah dan halaman kita, kawasan-kawasan perumahan, tempat-tempat kerja dan tempat-tempat awam.³³

Begitulah bunyi ucapan oleh Y.A.B. Dato` Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat ketika melancarkan Kempen Kebersihan Seluruh Negara. Pelancaran tersebut telah disempurnakan pada

³³ *Koleksi Ucapan Mahathir - Sosial*. Kuala Lumpur, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, 1992, hal. 232

2 haribulan Oktober 1983 di padang letak kereta Benteng Selera, Jalan Munshi Abdullah, Kuala Lumpur.

Demikianlah keutamaan yang diberikan kepada aspek kebersihan sehingga satu kempen peringkat nasional diadakan. Perkara ini bukan sahaja ditangani pada peringkat daerah atau pun kampung malah hingga ke peringkat paling atas sekali iaitu Perdana Menteri sendiri mengambil berat mengenainya. Dengan demikian ia merupakan satu lagi **nilai nasional** Malaysia.

Dalam ucapannya lagi Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kebersihan adalah penting dalam kehidupan manusia. Sesungguhnya tidak ada sesiapa pun yang suka kepada keadaan sekeliling atau persekitaran yang kotor dan penuh dengan sampah sarap. Dari kecil lagi kita dididik supaya sentiasa menjaga kebersihan selaras dengan kehendak agama dan masyarakat. Semua agama mengajar supaya menjaga kebersihan dan menjadikannya amalan harian dalam kehidupan kita.

Berikutlah utamanya kebersihan sehingga bagi orang-orang Islam, kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Tidak ada ibadat yang boleh dilakukan dalam keadaan yang kotor. Sebelum menunaikan sembahyang contohnya kita perlu mengambil air sembahyang dengan menggunakan air

yang bersih. Begitu juga bagi penganut agama lain dan kaum-kaum yang ada di Malaysia. Semua orang tahu akan kebaikan dan kemuliaan kebersihan. Yang menjadi masalah ialah kadang-kadang kita membiarkan tabiat yang kotor menguasai kita.

Sehubungan dengan kebersihan ini, Al-Quran ada menyebut mengenai hubungkaitnya antara solat dan kebersihan. Ayat 43 dalam surah An Nisaa' yang maksudnya berbunyi : -

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu solat sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan, sedang kamu dalam keadaan junub hingga kamu mandi. Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau datang dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air maka bertayammulah kamu dengan tanah yang suci - sapulah mukamu dan tanganmu. Sesungguhnya Allah maha pemaaf lagi maha pengampun.³⁴

Dalam usaha menjaga kebersihan negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kempen-kempen yang ada kena mengena dengan kebersihan. Antara kempen-kempen yang telah dilaksanakan ialah Kempen Bersih dan Indah, Kempen Kebersihan Tahun Melawat Malaysia, Kempen Kebersihan

³⁴ Al-Quran, Ayat 43, Surah An Nisaa', Juzuk 5, Al-Quran Dan Terjemahannya, (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1977), hal. 125

Tandas Awam, Kempen Anti Nyamuk dan Kebersihan Nasional dan Kitar Semula.

Program Bersih dan Indah adalah satu rangkakerja yang bertujuan untuk meningkatkan mutu kebersihan alam sekitar dan pengindahan di kawasan pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara. Program ini adalah menyeluruh, berintegrasi, berkesinambungan dari tahun ke tahun dan luas merangkumi berbagai-bagai aspek yang akan dapat menjamin kebersihan dan mutu alam sekitar yang baik.³⁵

Kempen ini telah dilancarkan pada tahun 1990 dan ianya adalah satu kempen berterusan. Untuk menjayakan program ini pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan. Antara aktiviti-aktivitinya ialah kebersihan tandas, pengendalian makanan, kebersihan pantai dan tempat pelancongan, kebersihan longkang dan parit, kebersihan taman perumahan, keindahan sekolah, pengindahan bandar dan lain-lain lagi.

Satu lagi kempen yang ada kaitan dengan kebersihan ialah Kempen Anti Nyamuk dan Kebersihan Nasional. Kempen ini telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato Seri Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana

³⁵ Risalah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Program Bersih dan Indah, Kuala Lumpur, 1990.

Menteri Malaysia pada 20 April 1999. Kempen ini dilancarkan kerana penyakit bawaan nyamuk seperti demam denggi, Malaria, Filiarasis dan Japanese Encephalitis (JE) telah menjadi satu masalah kesihatan kepada masyarakat sama ada di bandar atau luar bandar.³⁶

Misi kempen ini ialah untuk menjadikan negara ini bersih dari sampah sarap dan dengan demikian menghapuskan penyakit bawaan nyamuk seperti demam denggi, malaria, JE dan Filiarasis melalui penghapusan tempat-tempat pembiakan nyamuk dengan kerjasama semua agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan sekarela (NGO), sukarelawan dan individu dalam masyarakat.

Misi kempen adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat kepentingan untuk memberi keutamaan kepada kebersihan diri dan alam sekitar serta bersama-sama menghapuskan nyamuk supaya penyakit bawaan nyamuk dapat dikurangkan. Selain daripada itu penyakit berkaitan dengan kebersihan diri dan alam sekitar seperti taun, kepialu, hepatitis A, keracunan makanan akan turut sama terkawal apabila tindakan bersepada dalam melaksanakan kempen ini berjalan dengan lancar.³⁷

³⁶ Risalah Kementerian Kesihatan Malaysia, Buku Panduan Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional, Kuala Lumpur, 1999.

³⁷ Ibid, Buku Panduan Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Nasional, Kuala Lumpur, 1999.

Dengan adanya pelbagai kempen diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat betapa pentingnya kebersihan diri dan alam sekitar. Kesedaran di kalangan masyarakat bahawa tugas membersihkan alam sekitar adalah satu tugas bersama yang amat penting di tanam di dalam sanubari mereka. Dengan terlaksananya kempen ini secara bersepadu oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan sukarela dan masyarakat akan meningkatkan kesefahaman semua pihak dalam membasmikan kekotoran dan memerangi nyamuk-nyamuk bawaan penyakit.

Selain daripada kempen-kempen kebersihan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menganjurkan Kempen Kitar Semula. Apakah yang dimaksudkan dengan kitar semula. Kitar semula ialah satu proses mengitar semula melibatkan usaha mengumpul, memproses dan menggunakan semula bahan-bahan yang pernah dianggap sebagai sampah.³⁸

Terdapat beberapa tujuan Kempen Kitar Semula ini dilaksanakan. Antara tujuan-tujuannya adalah seperti berikut :-

i. Kitar semula untuk memelihara ruang hidup kita

Tapak pelupusan sampah akan penuh apabila sampah terlalu banyak.

Dengan demikian tapak baru perlu dibuka. Lambat laun tapak-tapak ini

³⁸ Risalah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Kitar Semula Demi Masa Depan, Kuala Lumpur, 2000.

akan berkembang dan menular mencerobohi ruang hidup kita. Oleh itu jumlah sampah seharusnya dikurangkan.

ii. Kitar semula untuk persekitaran yang lebih sihat dan lebih bersih

Sampah boleh menjadikan kesihatan. Jika dibiarkan bersepah ia akan menjadi haiwan pembawa penyakit seperti tikus dan gagak. Melalui kitar semula kita dapat mengurangkan sampah yang dibuang dan seterusnya mengawal penyakit daripada merebak.

iii. Kitar semula untuk mengurangkan pencemaran

Longgokan bahan buangan di dalam tong sampah, lori atau tapak pelupusan sampah merupakan salah satu punca pencemaran dalam iklim tropika. Amalan mengitar semula dapat mengurangkan ancaman alam sekitar seperti pencemaran air bawah tanah dan udara.

iv. Kitar semula untuk menjimatkan kos

Dalam jangka panjang mengitar semula adalah lebih menjimatkan berbanding dengan usaha menyelenggara tapak pelupusan sampah atau sistem yang lain. Apabila program kitar semula bertambah cekap, sampah yang perlu dilupus akan semakin berkurangan. Ini seterusnya akan memanfaatkan rakyat kerana caj untuk pelupusan sampah akan dikurangkan.

v. Kitar semula untuk menyelamatkan hutan

Untuk menghasilkan satu tan kertas sebanyak 17 pohon pokok terpaksa ditebang. Mengitar semula kertas akan mengurangkan bilangan pokok

yang perlu ditebang. Kita perlu memelihara hutan kerana ia merupakan paru-paru yang memberi kita oksigen dan udara bersih.³⁹

Demikianlah pentingnya kitar semula kepada manusia khasnya dan kepada alam sekitar amnya. Kita biasanya tidak memikirkan di manakah sampah sarap kita dibuang atau apakah yang terjadi kepadanya sebaik sahaja ia dipungut. Hukukatnya lori sampah tidak dapat menghapuskannya begitu sahaja. Ia akan diangkut ke tapak pelupusan sampah.

Kapasiti tapak pelupusan sampah semakin terhad. Di masa yang sama jutaan ringgit dihabiskan untuk mengangkut dan melupuskan sampah. Lebih membimbangkan lagi ialah masalah pencemaran dan resapan bahan kimia ke dalam sumber air bawah tanah. Sudah tiba masanya masalah ini ditangani sebelum terlewat sesualiahan dengan slogan kempen kitar semula ini iaitu **fikir dulu sebelum buang**. Sebaiknya jadikanlah amalan kitar semula sebagai sebahagian daripada amalan hidup kita.

Dari sudut industri pelancongan pula kebersihan dan keindahan boleh memberi sumbangan yang besar kepada negara. Negara yang lebih bersih dan indah akan dapat menarik lebih ramai pelancong terutamanya pelancong dari luar negara. Kedatangan pelancong dengan ramai sudah pasti akan

³⁹ Ibid, Kitar Semula Demi Masa Depan, Kuala Lumpur, 2000.

meningkatkan pendapatan rakyat yang mengusahakan industri pelancongan dan menambahkan pengaliran matawang asing ke dalam negara.⁴⁰

Peningkatan mutu alam sekitar serta pengindahan bandar mempunyai pertalian yang rapat dengan pembangunan industri pelancongan negara dan untuk menjamin mutu kesihatan penduduk yang tinggi. Semakin bersih dan semakin baik mutu alam sekitar semakin ramai pelancong yang akan tertarik untuk datang berkunjung ke negara ini dan rakyat akan dapat hidup bebas dari ancaman penyakit terutama wabak dan penyakit berjangkit. ⁴¹

Kebersihan membawa banyak manfaat kepada semua orang. Kehidupan bukan sahaja menjadi lebih selesa daripada segi pemandangan dan iklim yang nyaman, tetapi kita juga akan menjadi manusia yang lebih sihat. Seseorang yang sihat mempunyai kemampuan berdaya maju lebih daripada orang yang letih dan selalu digangu oleh bermacam-macam penyakit. Pendek kata persekitaran yang bersih membawa kejayaan yang lebih tinggi. Demikianlah pandangan Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Pelancaran Program Bersih dan Indah Peringkat Kebangsaan di Ipoh pada 24 Jun 1990.

⁴⁰ Opcit, *Koleksi Ucapan Mahathir (Sosial)*, hal. 885

⁴¹ Opcit, *Program Bersih dan Indah*, Kuala Lumpur, 1990.

Kebersihan menjadi sebahagian daripada budaya bangsa Malaysia. Untuk mencapai tujuan ini, didikan dan semaihan nilai yang baik berkenaan dengan kebersihan dan keindahan perlu dibuat oleh ibu bapa di rumah, guru-guru di sekolah dan ketua-ketua di tempat kerja. Didikan dan asuhan hendaklah dibuat sepanjang masa sehingga rakyat Malaysia memandang jijik sebarang kekotoran dan amalan yang kotor.

Apabila kebersihan sudah menjadi darah daging atau sebatи dengan kehidupan rakyat Malaysia, tidak boleh *tolerate* dengan bau busuk dan persekitaran yang kotor, berasa malu jika diri kita kotor dan mengotorkan alam sekeliling, maka dengan sendirinya kekotoran akan berkurangan dan pencemaran tidak lagi akan menjadi masalah serta beban yang berat kepada masyarakat.

3.5 RUMUSAN

Setelah penyelidikan dan analisis ke atas bahan-bahan bacaan dilakukan dengan terperinci pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat enam **nilai nasional** yang utama bagi negara Malaysia. Walaupun terdapat banyak lagi **nilai nasional** namun untuk tujuan kajian ini hanya enam sahaja **nilai nasional** yang akan diambilkira. Enam **nilai nasional** yang dimaksudkan itu ialah **perpaduan nasional, patriotisme, pembangunan negara, Wawasan 2020, kebudayaan kebangsaan dan kebersihan**.

Perpaduan merupakan satu elemen penting dalam negara Malaysia.

Ini ialah kerana penduduknya terdiri daripada rakyat berbilang kaum yang mengamalkan pelbagai kepercayaan agama dan bermacam-macam rupa bentuk kebudayaan. Semua kaum seharusnya mempunyai sifat tolerensi dan mengepikan perasaan terlalu mementingkan kaum sendiri.

Perpaduan nasional merupakan satu agenda kerajaan yang berterusan sejak awal negara mencapai kemerdekaan lagi. Menyedari bahawa tanpa **perpaduan** tidak akan wujudlah keamanan dan ketenteraman dalam negara maka kerajaan mengambil perhatian berat dalam perkara ini. Pelbagai program dan perancangan dirancang dan dilaksanakan supaya **perpaduan nasional** menjadi satu realiti.

Jika negara berada dalam keadaan aman, tenteram dan sejahtera pastinya segala projek pembangunan yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Akhirnya faedah dan manfaat akan dapat dikehapi oleh rakyat juga. Sebab itulah **perpaduan nasional** ditekankan oleh pihak kerajaan. Dirumuskan bahawa **perpaduan nasional** merupakan salah satu **nilai nasional** yang utama bagi Malaysia.

Satu lagi **nilai nasional** yang dapat dikenalpasti ialah **patriotisme**. **Patriotisme** membawa maksud satu perasaan cinta yang amat tinggi dan

kuat terhadap tanah air. Apabila perasaan itu ada dalam jiwa setiap rakyat Malaysia pastinya mereka sanggup melakukan apa sahaja demi kedaulatan negara. Pengorbanan dalam apa jua bentuk akan dilakukan untuk mempertahankan pertiwi yang tercinta.

Untuk menuju ke arah **patriotisme** itu pelbagai program disusun atur oleh kerajaan untuk menanam dan menimbulkan rasa cinta dan sayang kepada negara. Jika rakyat kasih dan sayangkan negara dengan sepenuh hati sudah tentu program-program ke arah kebaikan dan kemajuan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dengan adanya rasa cinta kepada negara akan membawa kesepadan di kalangan rakyat. Ini ialah kerana mereka sama-sama merasakan bahawa negara ini adalah negara milik bersama. Oleh yang demikian segala-segalanya perlu digerakkan secara bersepadu untuk menghasilkan sesuatu yang mantap, tegap dan kukuh.

Nilai nasional seterusnya yang dapat digarap oleh pengkaji ialah **pembangunan negara**. Tiada siapa pun boleh menafikan bahawa pembangunan adalah satu elemen yang teramat penting dalam sesebuah negara. Tambahan pula sebuah negara yang sedang membangun seperti

Malaysia. Tanpa pembangunan sesebuah negara tidak akan maju, ekonominya akan mati dan akibatnya ialah rakyat akan sengsara.

Projek-projek pembangunan perlu dirancang dan dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat jelata. Program-program pembangunan itu tidak tertumpu kepada sesuatu golongan atau kaum sahaja malah menyeluruh kepada semua lapisan rakyat. Keutamaan pastinya diberikan kepada rakyat miskin dan kurang berasib baik. Mereka perlu dibela dan diberi pertolongan yang sewajarnya supaya mereka juga dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan golongan yang lebih berasib baik.

Sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi kerajaan telah melancarkan berbagai-berbagai program pembangunan untuk kesejahteraan dan memperbaiki taraf hidup rakyat. Rancangan Malaya Pertama telah bermula pada tahun 1956 hingga 1960 diikuti dengan Rancangan Malaya Kedua dari tahun 1961 hingga 1965. Setelah gugusan Malaysia menjadi kenyataan pada tahun 1963 Rancangan Malaya juga ditukar namanya kepada Rancangan Malaysia.

Rancangan Malaysia Pertama bermula pada tahun 1966 dan seterusnya diikuti dengan Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan hingga

ke Rancangan Malaysia Kelapan yang sedang berlangsung sekarang bermula dari tahun 2001 hingga ke tahun 2006.

Untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum kerajaan telah melaksanakan program-program pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). DEB telah dilaksanakan selama 20 tahun bermula dari tahun 1971 hingga 1990 dan DPN pula telah dilaksanakan selama 10 tahun bermula dari tahun 1991 hingga 2000.

Ternyata sekali bahawa hasil pelaksanaan program pembangunan seperti DEB dan DPN telah sedikit sebanyak meninggikan taraf kehidupan sebahagian besar rakyat Malaysia khasnya kaum bumiputera yang ketinggalan dalam banyak bidang. Kaum-kaum lain juga tidak pernah dilupakan. Mereka sama-sama menjayakan apa juarancangan pembangunan yang direncanakan oleh kerajaan.

Program-program pembangunan sebegini akan diteruskan. Dalam menghadapi cabaran dunia moden ini negara perlu bersaing dengan kemajuan yang dicapai oleh dunia luar. Tanpa perancangan yang teliti, mantap dan teguh negara akan ketinggalan dalam mengejar kemajuan.

Demikianlah pentingnya rancangan pembangunan kepada negara. Oleh sebab itulah ia merupakan satu **nilai nasional** yang cukup penting dan perlu dihayati oleh seluruh rakyat. Apatah lagi dalam suasana Malaysia yang sedang menuju ke arah merealisasikan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Nilai nasional berikutnya yang difikirkan amat penting ialah **Wawasan 2020**. Maksud dan matlamat wawasan ini ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar maju pada tahun 2020. Pengertian negara maju di sini bukanlah seperti negara-negara maju di barat tetapi maju yang mengikuti acuan sendiri. Kemajuan yang hendak dicapai mestilah merangkumi perkara-perkara seperti perpaduan negara dan kesepadan sosial, peningkatan ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri.

Menjelang tahun 2020 Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu dengan masyarakat yang mempunyai rasa keyakinan diri ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif, makmur dan sepenuhnya

menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan.

Wawasan 2020 ini dirangka dengan sembilan cabaran yang perlu dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia. Sembilan cabaran itu merangkumi pelbagai aspek dan sudut yang ada kaitan dengan pentadbiran negara dan juga kehidupan seharian. Antara beberapa cabaran penting itu ialah mengenai pembentukan negara yang bersatu padu, masyarakat yang bebas, teguh dan yakin akan diri sendiri, masyarakat demokratis yang matang, masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya.

Cabaran-cabaran lain ialah membentuk masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh, menghasilkan masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang dan tidak ketinggalan membentuk masyarakat yang adil ekonominya dan makmur.

Memandangkan Wawasan 2020 ini diperbincangkan dengan begitu meluas sekali dan menjadi satu dasar negara jadi ia merupakan satu **nilai nasional** kepada Malaysia. Wawasan ini menentukan hala tuju dan cita-cita negara pada masa hadapan yang ingin menjadi sebuah negara maju. Oleh hal yang demikian rakyat seharusnya bekerja keras dan mengembeleng tenaga untuk mencapai kejayaan yang telah direncanakan.

Nilai nasional seterusnya yang dikenalpasti ialah **kebudayaan kebangsaan**. Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia yang merangkumi pelbagai aspek yang ada kaitannya dengan memenuhi kehendak-kehendak sosial. Kebudayaan adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan bermasyarakat khasnya masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

Untuk mewujudkan kesepaduan di kalangan rakyat satu rupa kebudayaan yang dapat diterima oleh semua kaum perlu dibentuk. Hasilnya wujudlah apa yang dinamakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar itu diwujudkan berlandaskan unsur-unsur dan tiga prinsip yang ditetapkan. Tiga prinsip itu ialah mestilah berdasarkan kebudayaan rakyat asal rantau ini, keduanya ialah menerima unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar dan yang ketiganya ialah memastikan Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan dasar tersebut.

Apabila semua rakyat mengamalkan satu kebudayaan yang seragam dalam kehidupan seharian secara sendirinya perpaduan di kalangan rakyat akan dapat dipupuk. Rasa cintakan kepada negara juga akan wujud dalam sanubari setiap rakyat. Apabila ini berlaku keadaan aman dan sejahtera akan wujud dan pastinya memudahkan proses kemajuan dan pembangunan negara.

Satu lagi **nilai nasional** yang dapat digarap oleh pengkaji ialah **kebersihan**. Kebersihan merupakan sesuatu yang teramat penting dalam kehidupan seharian. Jika keadaan sekeliling bersih kita akan dapat hidup dalam suasana nyaman dan selesa. Aktiviti harian dapat dilaksanakan dengan sempurna. Keadaan kesihatan juga akan terjamin.

Sikap kita sendirilah yang boleh menjamin keadaan bersih pada setiap masa. Jika kebersihan sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat iaitu satu tabiat yang ada pada tiap-tiap seorang, apabila mereka akan pandang serong dan keji akan amalan yang tidak bersih, maka tanpa apa-apa jentera penguatkuasa keadaan alam sekeliling akan menjadi bersih. Di samping itu puluhan juta wang negara boleh diselamatkan dan boleh digunakan untuk lain-lain rancangan pembangunan bagi manfaat semua rakyat.

Sebagai rumusannya dapatlah dinyatakan bahawa **nilai nasional** Malaysia yang ditentukan untuk tujuan kajian ini ialah enam iaitu **perpaduan nasional, patriotisme, pembangunan negara, Wawasan 2020, kebudayaan kebangsaan** dan **kebersihan**. Nilai-nilai inilah yang akan menjadi asas kepada kajian yang akan dijalankan seterusnya.

Dalam bab 5 pengkaji akan memberi tumpuan kepada kajian beberapa buah filem dokumentari yang diterbitkan oleh *Malayan Film Unit/Filem Negara Malaysia (MFU/FNM)*. Dalam mengakaji filem-filem dokumentari tu kita akan lihat bagaimana **nilai-nilai nasional** itu dipaparkan oleh FNM sebagai menyokong usaha kerajaan.

Filem-filem dokumentari terbitan FNM adalah satu gerakan untuk menerapkan **nilai-nilai nasional** oleh kerajaan kepada seluruh rakyatnya. Pelbagai langkah dan program dianjur dan dilaksanakan oleh kerajaan di samping FNM pula berusaha menerbitkan filem-filem dokumentari untuk menyokong dasar-dasar kerajaan itu.